

Naratif Baharu: Revisionisme dan Sejarah Melayu

New Narrative: Revisionism and Malay History

Azizi Yazit¹

Independent Researcher, Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: aziziyazit@gmail.com

Received: 27 December 2025

Accepted: 12 February 2026

Published: 30 May 2026

Abstrak

Kajian ini meneliti peranan aliran revisionis dalam membentuk naratif baharu sejarah Melayu sebagai satu usaha ilmiah untuk menilai semula historiografi yang sekian lama dibentuk oleh warisan kolonial dan perspektif Eropah-sentrik. Sejak era penjajahan, penulisan sejarah tempatan banyak dipengaruhi oleh tafsiran orientalis yang menekankan kepentingan kolonial, meletakkan Eropah sebagai ukuran kemajuan, dan menenggelamkan suara masyarakat peribumi serta kelompok yang dianggap mencabar kuasa penjajah, termasuk nasionalis kiri dan nasionalis berorientasikan agama. Dalam konteks ini, revisionisme muncul sebagai pendekatan kritikal untuk meneliti semula tafsiran sejarah arus perdana berdasarkan bukti-bukti baharu, termasuk dokumen arkib British seperti *Colonial Office*. Pendekatan ini berperanan menyaring naratif penjajah dan mengembalikan keadilan sejarah kepada kelompok terpinggir, khususnya masyarakat peribumi yang mengalami penjajahan secara langsung. Melalui revisionisme, sejarah Melayu dapat ditulis semula secara lebih tepat, adil dan berpaksikan perspektif peribumi. Sehubungan itu, pendekatan revisionis merangkumi tiga proses analisis utama. Pertama, "*membaca dengan melawan arus*," iaitu menganalisis sejarah berdasarkan logik dan rasionaliti sambil menilai perspektif peribumi. Kedua, makna-makna dalam sejarah yang telah ditentukan oleh kolonial didekonstruksi untuk menghasilkan tafsiran berpaksikan perspektif peribumi. Ketiga, naratif baharu dihasilkan melalui rekonstruksi tafsiran arus perdana berdasarkan makna-makna baharu tersebut. Kajian ini menegaskan bahawa revisionisme bukanlah usaha untuk memutarbelitkan sejarah, tetapi merupakan proses ilmiah untuk membetulkan persepsi yang dibentuk oleh warisan kolonial, ideologi, dan kepentingan politik tertentu. Kesimpulannya, aliran revisionis memainkan peranan penting dalam memperkukuh disiplin sejarah Malaysia dengan membebaskan historiografi tempatan daripada dominasi kolonial dan Eropah-sentrik. Aliran ini juga berpotensi menghasilkan naratif baharu yang lebih seimbang, berasaskan sumber dan berpaksikan penyelidikan akademik.

Kata kunci: revisionisme; revisionis; naratif baharu; historiografi kolonial; perspektif peribumi

Abstract

This study examines the role of the revisionist school in shaping new narratives of Malay history as a scholarly effort to reassess historiography that has long been shaped by colonial legacies and Eurocentric perspectives. Since the colonial era, local historical writing has been

heavily influenced by orientalist interpretations that emphasized colonial interests, positioned Europe as the benchmark of progress, and marginalized the voices of indigenous communities as well as groups perceived as challenging colonial authority, including left-wing nationalists and religious-oriented nationalists. In this context, revisionism emerges as a critical approach to re-examining mainstream historical interpretations based on new evidence, including British archival documents such as those from the Colonial Office. This approach serves to filter colonial narratives and restores historical justice to marginalized groups, particularly indigenous communities that experienced colonization directly. Through revisionism, Malay history can be rewritten in a more accurate, just, and indigenous-centered manner. Accordingly, the revisionist approach encompasses three main analytical processes. First is “reading against the grain,” which involves analyzing history through logic and rationality while critically evaluating indigenous perspectives. Second, meanings in history that were constructed by colonial powers are deconstructed to produce interpretations grounded in indigenous viewpoints. Third, new narratives are generated through the reconstruction of mainstream interpretations based on these newly derived meanings. This study emphasizes that revisionism is not an attempt to distort history, but rather a scholarly process aimed at correcting perceptions shaped by colonial legacies, ideology, and specific political interests. In conclusion, the revisionist school plays an important role in strengthening the discipline of Malaysian history by liberating local historiography from colonial and Eurocentric dominance. It also holds the potential to produce new narratives that are more balanced, source-based, and grounded in academic research.

Keywords: *revisionism, revisionist, new narratives, colonial historiography, indigenous viewpoints*

Pengenalan

“Orang-orang Timur atau Arab sering digambarkan sebagai makhluk yang mudah diperdaya, ‘tidak mempunyai tenaga dan inisiatif,’ suka menjilat, berpura-pura, licik, serta tidak menyukai binatang. Mereka dikatakan tidak tahu berjalan di jalan raya atau trotoar kerana ‘otak mereka yang kacau’ kononnya tidak mampu memahami apa yang dapat difahami dengan cepat oleh ‘otak Eropah yang cerdas’—bahawa jalan raya dan trotoar dicipta untuk pejalan kaki. Orang Timur dianggap pembohong tegar, ‘malas dan mencurigakan,’ dan dalam segala hal digambarkan sebagai bertentangan dengan kejernihan, kelurusan, dan kemuliaan watak ras Anglo-Saxon” (Edward Said, 2016:56)

Petikan tajam Edward Said ini memperlihatkan bagaimana wacana kolonial membentuk imej Timur sebagai mundur, pasif dan tidak rasional. Ini adalah satu gambaran yang turut mempengaruhi cara penjajah menulis, mentafsir dan memberikan makna kepada sejarah Timur, khususnya dalam konteks kajian ini, sejarah Melayu.

Sejarah ialah teras penting bagi memahami identiti, tamadun, dan jati diri sesuatu bangsa. Namun, penulisan sejarah Melayu sejak era penjajahan hingga ke hari ini tidak terlepas daripada pengaruh kerangka luar yang membentuk cara naratif tersebut digarap. Warisan kolonial, khususnya, memperkenalkan satu bentuk historiografi bersandarkan pandangan orientalis dan Eropah-sentrik, yang menggambarkan orang Melayu sebagai masyarakat feodal (Azmi Arifin, 2023:283–284). Naratif sebegini bukan sahaja meletakkan Melayu dalam

kedudukan terpinggir, tetapi turut menjustifikasikan projek penjajahan sebagai usaha membawa “kemajuan” kepada masyarakat tempatan (Azmi Arifin, 2023: 284).

Dalam perkembangan pascamerdeka, muncul aliran penulisan sejarah yang dipengaruhi oleh teori konflik kelas yang berakar daripada pemikiran Karl Marx. Sebahagian sarjana mentafsir sejarah Melayu pra-penjajahan hampir sepenuhnya melalui lensa pertentangan sosial, dengan bersandar kepada konsep “*Feudalisme Melayu*”. Pentafsiran ini adalah merupakan suatu kerangka yang lemah asasnya apabila dikaitkan dengan bentuk kepemimpinan politik Melayu sebelum kedatangan kuasa penjajah (Azmi Arifin, 2023: 12). Meskipun pendekatan ini sering ditampilkan sebagai usaha mencabar naratif dan warisan kolonial, ia tetap bersifat reduksionis. Hal yang demikian kerana mengetepikan kepelbagaian unsur yang membentuk pengalaman sejarah Melayu, termasuk dimensi agama, adat, budaya, serta tradisi kepemimpinan yang wujud sebelum penjajahan.

Aliran Marxis mengaitkan feudalisme dengan ciri-ciri ekonomi seperti corak pengeluaran ekonomi dan penindasan ekonomi yang wujud berasaskan kegiatan penggunaan tanah. Menurut aliran Marxis, pemilikan harta yang berasaskan tanah dan ketidaksamaan serta penindasan (dari segi ekonomi mahupun undang-undang) terhadap para petani-serf oleh tuan-tuan tanah yang memiliki manor merupakan asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat atau regim feudal. (Azmi Arifin, 2023: 11)

Pengaruh kolonial dan Marxisme sama-sama telah meminggirkan suara sejarah peribumi, sekali gus menafikan keadilan sejarah bagi pihak peribumi, sambil mengangkat naratif yang dikehendaki penjajah. Kekurangan penguasaan disiplin persejarahan yang ketat, digabungkan dengan dominasi aliran Eropah-sentrik (Abdul Rahman, 2025: 84), menyebabkan sebahagian sarjana tempatan mengabsahkan teori dan ideologi asing secara selektif (Abdul Rahman, 2025: 18-19). Akibatnya, sumber sejarah dipersempit, diteliti secara sambil lewa, dan tafsiran sejarah menjadi longgar serta tidak mendalam. Sebagai contoh, dalam kajiannya, pengarang menyatakan:

Saya mengutamakan tulisan-tulisan Abdullah Munshi kerana karya-karya tersebut menggambarkan suasana masyarakat Melayu feudal dengan jelas sekali. Rujukan kepada tulisan-tulisan Abdullah Munshi untuk memahami ketiga-tiga zaman di atas dapat dipertahankan kerana keadaan sosial masyarakat Melayu dalam abad kesembilan belas tidak jauh berbeza dengan keadaan-keadaan beberapa abad sebelumnya. (Azmi Arifin, 2023: 11)

Andaian bahawa “keadaan sosial masyarakat Melayu dalam abad kesembilan belas tidak jauh berbeza dengan keadaan beberapa abad sebelumnya” adalah merupakan andaian yang tersasar. Pandangan sebegini mencerminkan kajian yang longgar dan mengambil jalan mudah, sedangkan seorang penyelidik sejarah yang serius harus peka terhadap sumber dan menjalankan kajian mendalam. Hal ini ditegaskan oleh Abdul Rahman Haji Ismail (2025: 62-63), yang menekankan kepentingan menelusuri akar sejarah Melayu secara menyeluruh:

“Melayu dan kemelayuan ada umbi dan saraf peribuminya. Berasaskan sumber sedia ada, pencarian rupa dan jati diri ‘Melayu’ hendaklah setidaknya bermula dengan sejarah Seriwijaya, walaupun tidak Kedah. Langkasuka atau Funan yang telah wujud sejak kurun pertama Masihi atau lebih awal lagi. Umum kini mengetahui bahawa lebih 30, 000 tahun dahulu sudah terdapat masyarakat ‘Orang Lenggong’ di utara Perak kini.”

Implikasi daripada keadaan ini bukan sahaja merosakkan integriti disiplin sejarah, malah turut melemahkan kesedaran identiti bangsa Melayu. Kebanyakan sarjana tersebut, sebagai intelektual tempatan, memiliki niat murni untuk mencari solusi bagi kemunduran Melayu; namun, seperti doktor tanpa rekod tepat pesakitnya, mereka sering meneka atau tersesat akibat maklumat yang tidak tepat. Akibatnya, solusi yang dihasilkan gagal membuahkan hasil yang berkesan.

Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk melakukan usaha revisionis terhadap sejarah Melayu. Peninjauan semula ini penting bagi menilai kelemahan metodologi kolonial dan Marxis, sambil membina semula naratif sejarah Melayu berasaskan sumber yang objektif serta sumber alternatif yang mencerminkan pandangan dunia masyarakat Melayu. Dengan pendekatan ini, sejarah Melayu dapat dipulihkan menjadi sejarah yang lebih objektif, seimbang, dan bebas daripada pengaruh ideologi luar. Seajar dengan hal tersebut, Abdul Rahman Haji Ismail (2025: 71) menekankan bahawa:

“Unsur dan nama ‘Melayu’ yang mewakili suatu watak yang khusus dan tersendiri ini tidaklah terbatas di Semenanjung dan Sumatera sahaja. Kerana keanjalan dan kegunaannya, pengaruhnya menjalar ke seluruh Nusantara sehinggalah di sebalik kelainan-kelainan bersifat tempatan, rantau tersebut dilihat sebagai satu ‘Alam Melayu’ (Malay Archipelago) yang mewarisi tradisi dan budaya sejagat yang sama.”

Metodologi

Kajian ini bersifat kualitatif dengan menumpukan kepada analisis kritis teks dan pendekatan historiografi. Pendekatan metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:

Analisis Teks

Kajian ini meneliti karya sarjana tempatan yang banyak dipengaruhi warisan kolonial dan pemikiran Marxis, termasuk sumber-sumber yang mereka rujuk. Melalui analisis teks yang teliti, kajian ini menyingkap naratif dan ideologi yang dibawa oleh para penulis, serta bagaimana pengaruh kolonial dan Marxis membentuk pemahaman mereka terhadap sejarah Melayu. Penulisan-penulisan ini kemudian dibandingkan dengan tafsiran baharu yang diperoleh daripada sumber objektif dan analisis ahli sejarah berasaskan pendekatan *Sejarah Bertunjang*. Perbandingan ini membolehkan penilaian sejauh mana suara peribumi telah dipinggirkan, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, dan menyoroti pengabaian sejarah peribumi yang wujud dalam penulisan mereka.

Pendekatan Historiografi

Historiografi dipandang sebagai kerangka penting untuk memahami cara sejarah ditulis, ditafsir, dan digunakan. Kajian ini menelusuri pengaruh penulisan sejarah Melayu oleh sarjana kolonial atau orientalis, dan sarjana tempatan yang berpandangan Eropah-sentrik. Melalui pendekatan ini, kelemahan metodologi dan *bias* ideologi dalam penulisan kolonial dan Marxis dapat dijelaskan dengan lebih terang. Penekanan diberikan kepada cara naratif sejarah Melayu dikonstruksi, dibingkai, atau bahkan dipinggirkan. Ini memberikan gambaran kritis tentang bagaimana sejarah masyarakat Melayu dibaca, diwarisi, dan kadang-kadang diabaikan.

Pendekatan Revisionis

Kajian ini menggunakan pendekatan revisionis sebagai strategi utama untuk meninjau semula sejarah Melayu. Revisionisme difahami di sini sebagai usaha membetulkan, mengimbangi, dan

memperbaharui naratif sejarah yang selama ini banyak dipengaruhi oleh perspektif luar. Dengan menggabungkan analisis teks, pendekatan historiografi, dan perspektif revisionis, kajian ini bertujuan membongkar warisan kolonial serta dogma Marxis dalam penulisan sejarah. Pada masa yang sama, ia mengemukakan naratif yang lebih autentik, seimbang, dan berpaksikan kepada pengalaman serta sejarah masyarakat Melayu itu sendiri.

Pengaruh Orientalisme dalam Penulisan Sejarah Tanah Melayu

“Sebelum dikaji penulisan sejarah, kaji dulu penulisnya (ahli sejarah)” (E.H. Carr, 1984)

Bagi menghalalkan penjajahan, pihak kolonial memerlukan alasan yang mampu membenarkan kehadiran mereka di Tanah Melayu serta campur tangan dalam urusan pemerintahannya. Justifikasi itu dibina berasaskan doktrin Barat yang dikenali sebagai *“white man’s burden.”* Doktrin tersebut menyatakan bahawa dunia kononnya memerlukan orang Barat untuk membawa tamadun, kemajuan dan kemodenan (Azmi Arifin, 2025: 16-19). Sistem Barat pula dianggap sempurna, berteraskan demokrasi, menghapuskan perhambaan, serta diyakini telah berjaya keluar daripada feudalisme untuk mencapai kemuncak peradaban. Kedatangan kuasa kolonial ke Tanah Melayu bukanlah melalui peperangan besar atau penaklukan secara terbuka. Sebaliknya, mereka hadir dengan perjanjian yang penuh helah dan kelicikan untuk menjerat negeri-negeri Melayu. Untuk menutup mata dunia, pihak kolonial memanfaatkan sarjana dan penulis orientalis bagi membentuk gambaran tertentu tentang masyarakat Melayu. Naratif tersebut bukan sekadar deskripsi, tetapi alat untuk mewajarkan kuasa dan pengaruh mereka.

Tulisan mereka jauh daripada objektif, sarat dengan berat sebelah (*bias*) dan keberpihakan kepada bangsa sendiri. Mereka berusaha keras membentuk imej orang Melayu sebagai bangsa lemah, feudal, dan tidak bertamadun. Segala amalan, adat, dan sistem yang tidak menepati selera Barat segera dilabel dengan istilah buruk seperti perhambaan, penindasan, dan kezaliman. Hal ini berlaku kerana sarjana kolonial menilai masyarakat Melayu sepenuhnya dari perspektif Eropah-sentrik yang meletakkan Barat sebagai kayu ukur tunggal peradaban. Melalui doktrin *“white man’s burden,”* kuasa kolonial membina naratif dikotomi:² Barat ditampilkan sebagai bangsa maju, moden, dan berperadaban, manakala orang Melayu digambarkan sebagai mundur, feudal, dan tidak bertamadun. Barat mendakwa sebagai pembawa demokrasi, penghapus perhambaan, dan pencetus kemajuan; sebaliknya, orang Melayu digambarkan pasif dan tidak mampu menguruskan urusan politik serta sosial tanpa campur tangan luar. Penjajah mengangkat imej mereka sebagai penyelamat yang membawa pencerahan, manakala Melayu pula diletakkan pada posisi yang memerlukan bimbingan dan pengawasan.

Dikotomi ini dapat dilihat dengan jelas dalam tulisan tokoh kolonial seperti Frank Swettenham melalui *British Malaya* yang menekankan peranan Inggeris sebagai pembangun dan pemoden masyarakat Melayu. Begitu juga Hugh Clifford, yang dalam karya-karyanya sering menggambarkan orang Melayu sebagai romantik tetapi malas dan tidak berdisiplin. R.O. Winstedt pula, melalui *A History of Malaya*, menampilkan orang Melayu sebagai masyarakat feudal yang statik, sekali gus mengukuhkan tanggapan bahawa penjajahan merupakan syarat mutlak untuk membawa mereka ke arah kemajuan. Tulisan sarjana kolonial ini bukan sahaja dipenuhi dengan *bias* Eropah-sentrik, tetapi turut membentuk persepsi masyarakat antarabangsa bahawa kehadiran Inggeris di Tanah Melayu adalah sebuah misi moral. Sedangkan hakikatnya ia merupakan strategi politik dan ekonomi untuk menguasai sumber serta wilayah.

Menurut Mohd. Yusof Ibrahim (2013), penyelidik yang menelaah karya-karya

orientalis perlu menyedari kewujudan dua kelompok utama sarjana kolonial. Pertama ialah kelompok radikal, yang wajar di jauhi kerana penulisan mereka sarat dengan prejudis dan penuh dengan kejahatan terhadap peribumi. Antara tokoh yang tergolong dalam kelompok ini ialah Frank Swettenham, Andrew Clark, dan Macnair. Kelompok kedua pula ialah golongan moderat, iaitu sarjana yang kadangkala masih boleh dirujuk, namun tetap harus ditangani dengan penuh berhati-hati. Hal ini kerana mereka sering gagal memberikan tafsiran yang objektif, khususnya apabila sesuatu perkara berlawanan dengan budaya atau tabiat Barat. Antara sarjana yang dikategorikan dalam kelompok ini termasuklah R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, dan J.M. Gullick.

Analisis Karya Kolonial J.M. Gullick

J.M. Gullick sering dilihat sebagai sarjana kolonial yang sederhana berbanding orientalis radikal seperti Frank Swettenham atau Hugh Clifford. Namun, perlu ditegaskan bahawa beliau bukanlah ahli dalam disiplin sejarah secara khusus. Karyanya yang terkenal, *Indigenous Political Systems of Western Malaya* (1958), pada asalnya hanyalah tesis Diploma Ijazah Lanjutan, bukan hasil penyelidikan sejarah yang mendalam dengan metodologi kritis. Hal ini memberi kesan terhadap ketelitian dan autoriti ilmiah penulisannya.

Lebih jauh lagi, Gullick banyak bergantung kepada tulisan sarjana kolonial sebelumnya seperti Swettenham, McNair, dan Andrew Clark, tokoh yang terkenal dengan *bias* Eropah-sentrik serta kecenderungan menggambarkan orang Melayu secara negatif. Oleh itu, analisis Gullick, meskipun lebih teratur, tetap terikat dengan pandangan dunia orientalis yang menempatkan Barat sebagai ukuran kemajuan dan masyarakat Melayu sebagai mundur serta feudal. Menariknya, dalam beberapa naratif tertentu Gullick dilihat cuba mempersoalkan atau menambah nuansa terhadap gambaran kolonial yang terlalu keras. Kemungkinan besar, usaha ini lahir daripada semak silang dengan karya-karya lainnya. Walau bagaimanapun, percubaan tersebut tidak berjaya menyingkirkan pengaruh Eropah-sentrik yang begitu kuat dalam kerangka penulisannya.

Akhirnya, tulisan J.M. Gullick harus dibaca dengan penuh berhati-hati. Ia mempunyai nilai sebagai sumber tambahan atau rujukan alternatif, tetapi tidak wajar dianggap sebagai gambaran objektif tentang politik dan masyarakat Melayu. Keterikatan beliau pada sumber kolonial yang berat sebelah, ditambah pula dengan kedudukannya sebagai bukan ahli disiplin sejarah, menjadikan karyanya bermasalah dan lemah dari segi keilmiahan.

Implikasi Naratif Kolonial terhadap Masyarakat Tempatan dan Akademik

Saya sendiri berkeyakinan bahawa orientalisme secara khusus lebih bermakna sebagai tanda kekuasaan Atlantik-Eropa terhadap dunia Timur daripada sebagai wacana yang murni dan jujur mengenai Timur (seperti yang sering didakwanya, baik dalam bentuk akademis mahupun kes. (Edward Said, 2016: 8)

Naratif kolonial yang dibangunkan melalui karya sarjana kolonial seperti Swettenham, Clifford, Winstedt, dan Gullick membawa implikasi yang besar dan berpanjangan. Ia bukan sahaja membentuk persepsi masyarakat tempatan terhadap diri mereka sendiri, tetapi turut mempengaruhi arah dan metodologi penulisan sejarah di Malaysia. Karya-karya ini menanam kerangka fikir Eropah-sentrik, yang sering membayangi pentafsiran sejarah Melayu, sekali gus mewujudkan naratif yang menegaskan kepentingan dan kuasa kolonial. Naratif kolonial telah membentuk imej orang Melayu sebagai bangsa yang pasif, feudal, dan tidak bertamadun, yang

menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan sendiri kerana mereka sentiasa diletakkan pada posisi “lemah” yang memerlukan bimbingan kuasa luar. Stereotaip ini turut mempengaruhi cara masyarakat Melayu melihat warisan politik dan adat.

Melalui pendidikan beracuan Barat, golongan elit ini menyerap ideologi imperialisme liberal sehingga mereka percaya bahawa pemerintahan Inggeris akan membawa kebahagiaan kepada rakyat yang diperintah. Kepercayaan inilah yang, dalam novel Anandamath, mendorong watak utamanya untuk menghentikan penentangan bersenjata terhadap pemerintahan British. Hal ini menunjukkan betapa kuatnya ideologi tersebut, khususnya dalam membentuk tafsiran tentang ‘kebahagiaan’ sebagai hasil pengetahuan moden dari Barat dan penyesuaian pemikiran Utilitarian ke dalam apa yang dianggap sebagai teras rasional budaya keagamaan Hindu. (Ranjit Guha, 1998: 34)

Naratif kolonial bukan sahaja mempengaruhi masyarakat awam, tetapi juga mengakar dalam dunia akademik. Para sarjana yang menulis sejarah Melayu banyak bergantung kepada karya-karya orientalis sebagai rujukan utama, menyebabkan historiografi Melayu berkembang di bawah bayang-bayang Eropah-sentrik. Penekanan berlebihan terhadap konsep masyarakat Melayu sebagai feudal, statik dan tidak progresif menghalang lahirnya tafsiran yang lebih adil terhadap sejarah Melayu. Malah, generasi penyelidik pascamerdeka³ turut mewarisi kerangka pemikiran ini, sama ada secara sedar atau tidak. Hal ini kerana karya-karya orientalis telah lama dianggap sebagai sumber “klasik” yang sukar dipertikaikan.

“Tulisan-tulisan tokoh-tokoh kolonial selepas Perjanjian Pangkor berguna bagi kita memahami feudalisme Melayu, kerana zaman itu merupakan zaman peralihan di mana dua kebudayaan berbeza bertembung, antara feudalisme Melayu dan kolonialisme Barat. [...] Hugh Clifford ada menyebut tentang keadaan-keadaan feudalisme Melayu.” (Shaharuddin Maaruf, 2022: 96)

Walaupun mereka menyedari bias yang wujud dalam sumber-sumber orientalis, kekurangan akses kepada sumber alternatif menyebabkan karya-karya tersebut terus dijadikan rujukan utama. Situasi ini turut berpunca daripada pengabaian terhadap keperluan mematuhi disiplin sejarah yang ketat, seperti yang ditekankan oleh Ahmat Adam (prakata, 2021: ix):

“Suatu cabang ilmu yang mewajibkan seorang pengkaji atau penyelidik mengemukakan bukti yang sahih apabila membuat rumusan atau teori kepada sesuatu kejadian.”

Hakikatnya, terdapat banyak sumber yang lebih akurat, sebagai contoh, catatan dan dokumen Portugis (Yahaya Abu Bakar, 2021: 100), namun sumber-sumber ini kurang diberi perhatian dalam arus perdana historiografi Melayu:

“Sudah tentu manuskrip lama Portugis dapat memberikan penerangan dan pemerian yang agak memuaskan terhadap sejarah Melaka. Terdapat tidak kurang daripada 500 dokumen tulisan tangan yang kini tersimpan di merata-rata arkib di Portugal, Sepanyol, Itali dan Britain.”

Implikasi lain ialah normalisasi kuasa penjajah sebagai “penyelamat” atau ejen kemajuan. Dengan menampilkan penjajahan sebagai proses yang membawa pendidikan, undang-undang moden dan pembangunan ekonomi, naratif kolonial menutup realiti eksploitasi

politik serta ekonomi yang dialami oleh negeri-negeri Melayu. Hal ini bukan sahaja mengaburkan sejarah sebenar, tetapi turut menimbulkan kekeliruan dalam menilai kesan penjajahan terhadap bangsa Melayu. Dalam kerangka ini, kesalahan akhirnya dipindahkan kepada orang Melayu sendiri, termasuk raja-raja dan kepimpinan Melayu, yang digambarkan sebagai feudal, zalim, mengamalkan kerah paksa dan perhambaan. Kesimpulan yang terbit daripada naratif sedemikian ialah orang Melayu sepatutnya berterima kasih kepada British, kerana walaupun penjajah, merekalah yang kononnya “menyelamatkan” masyarakat Melayu dengan memperkenalkan pentadbiran dan undang-undang moden. Tafsiran sejarah seperti ini jelas dapat dilihat dalam penulisan beberapa sarjana, antaranya:

“Nasib Melayu tidak jauh berbeza di bawah penjajahan British, walaupun beberapa aspek feudalisme yang melampau telah dibasmikan oleh British, seperti misalnya sistem kerah dan perhambaan hutang. Dalam beberapa aspek penjajah juga telah memperkenalkan undang-undang yang menjamin dan melindungi sedikit sebanyak keselamatan diri, harta benda peribadi, dan hak-hak tertentu di sisi undang-undang.” (Shaharuddin Maaruf, 2022: 104)

Tafsiran di atas telah dibantah dengan keras oleh para sejarawan, khususnya dalam kalangan golongan revisionis.⁴ *“Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895, khususnya Perkara 15, memperuntukkan bahawa rakyat tidak lagi diwajibkan memberikan kesetiaan kepada Raja sekiranya baginda menyerahkan mana-mana bahagian daripada jajahan takluk negeri. Dalam keadaan sedemikian, Raja tersebut hendaklah diturunkan, dan seorang pengganti hendaklah dilantik mengikut peruntukan undang-undang. Prinsip yang sama turut terkandung dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911. Peruntukan-peruntukan ini dengan jelas menunjukkan bahawa kesetiaan orang Melayu berasaskan kesetiaan kepada negeri dan negara-bangsa, serta kepada kedaulatan dan kepentingan politik kolektifnya. Raja berfungsi sebagai lambang dan penjaga kedaulatan tersebut, dan kesetiaan rakyat adalah bersyarat kepada pemeliharaan amanah itu, bukan tanpa had atau mutlak”* (Abdul Rahman, 2022: 12-14). Abdul Rahman Haji Ismail menegaskan bahawa konsep kedaulatan raja Melayu sejak awal lagi tertakluk kepada batas-batas tertentu, terutamanya lunas keadilan dan adat pemerintahan Melayu. Menurut beliau:

“Kedudukan dan kedaulatan raja-raja Melayu atas sifat peribadinya tidaklah mutlak dan ini disadari oleh raja-raja Melayu setidak-tidaknya sejak zaman Kesultanan Melaka. [...] Daripada penelitian yang rapi ternyata bahawa peristiwa kezaliman seperti kemaharajalelaan Sultan Mahmud Syah dan hukuman bunuh terhadap Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir pada zaman Kesultanan Melaka bukanlah berpunca daripada lunas politik Melayu yang membenarkannya. Peristiwa kezaliman itu terjadi kerana salah faham, kelemahan dalam pelaksanaan dan dalam kes pembunuhan Seri Maharaja kerana kesungguhan Sultan melaksanakan tanggungjawab baginda. Dalam beberapa peristiwa pada zaman Kesultanan Melaka, Raja sendiri mengakui lunas keadilan dan berusaha untuk tidak dilihat sebagai bertindak sewenang-wenang ataupun zalim.” (Abdul Rahman, 2022: 12)

Abdul Rahman Haji Ismail menolak pandangan bahawa tindakan tersebut berpunca daripada doktrin politik Melayu yang menghalalkan kezaliman. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa peristiwa-peristiwa tersebut lebih banyak disebabkan oleh salah tafsir terhadap maklumat, kelemahan pentadbiran, atau usaha raja untuk menegakkan keadilan menurut kefahaman dan tanggungjawab baginda.

Akhirnya, implikasi naratif kolonial menjadikan usaha revisionis masa kini lebih mencabar, kerana para penyelidik terpaksa berhadapan dengan “*warisan pengetahuan*” yang telah lama diterima tanpa dipersoalkan. Malah, terdapat penyelidik dalam kalangan ahli sejarah sendiri yang enggan mengemas kini penulisan mereka walaupun hujah dan bukti baharu telah dibentangkan. Keadaan ini menuntut usaha yang lebih tegas untuk menyingkirkan pengaruh ideologi Eropah-sentrik yang berlebihan dalam penulisan sejarah, seperti yang diingatkan oleh Ahmat Adam (prakata, 2021: ix):

“Para ‘pengganggu’ ilmu tawarikh seperti ini perlu didedahkan agar orang lain yang mencintai kebenaran dan kesahihan sejarah tidak terus tertipu.”

Pengaruh Marxis dalam Penulisan Sejarah Tempatan

Penggunaan teori-teori Marxis dalam kajian sejarah sosial di Malaysia tidak boleh disalah tafsir sebagai sebahagian daripada doktrin komunisme.⁵ Sebaliknya, sarjana sosialis⁶ di rantau ini lebih merupakan intelektual yang mengadaptasi teori-teori tersebut sebagai alat analisis bagi memahami realiti penjajahan dan kapitalisme. Bagi mereka, British bukan sekadar kuasa politik yang menguasai Tanah Melayu, tetapi juga pembawa kapitalisme melalui syarikat-syarikat perdagangan, perladangan, dan perlombongan yang menindas tenaga kerja tempatan demi keuntungan ekonomi.

Asas teori Marxis ialah pemahaman bahawa sejarah manusia bergerak melalui penggeseran kelas yang berakar pada faktor ekonomi dan material. Pandangan ini dikenali sebagai dialektika materialisme historis, iaitu proses sejarah yang berlangsung dalam bentuk tesis (kelas berkuasa), antitesis (kelas tertindas), dan sintesis (revolusi yang melahirkan susunan baharu). Model ini, yang bertumpu pada pertentangan kelas, menjadi daya tarik utama bagi sarjana sosialis di Malaysia kerana ia menawarkan kerangka untuk menjelaskan ketidakadilan sosial dan struktur ekonomi penjajahan.

Namun, apabila diaplikasikan kepada konteks Tanah Melayu pra-penjajahan, teori ini menimbulkan suatu dilema. Bagi membuktikan kewujudan penggeseran kelas sebelum munculnya kapitalisme kolonial, para intelektual sosialis terpaksa mengemukakan konsep “*feudalisme Melayu*”, suatu gagasan yang banyak disandarkan pada hikayat-hikayat Melayu yang sarat dengan unsur mitos dan legenda serta menjadikan autobiografi Abdullah Munshi sebagai pengukur kebenaran.

“Cuba dikaji sahaja kedudukan dan pengalaman massa Melayu di bawah feudalisme Melayu pada zaman lampau. Bacalah hikayat-hikayat yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan kita. Masyarakat Melayu feudal memaparkan keadaan-keadaan tertentu [...] Namun cerita-ceritanya berselarian dengan kisah-kisah yang dicatat Abdullah Munshi dan yang terkandung dalam banyak hikayat-hikayat Melayu. [...] Pandangan dan sikap pemerintah zaman feudal terhadap massa Melayu perlu dikaji dan direnungi. Pandang dan sikap ini jelas tercermin dalam hikayat-hikayat Melayu. (Shaharuddin Maaruf, 2022: 93 - 99)

Jika hikayat-hikayat yang digunakan oleh sarjana sosialis dijadikan asas analisis, lalu dibuat rujuk silang dengan autobiografi yang sifatnya jauh lebih lemah berbanding sumber primer⁷ seperti catatan Portugis, maka sudah pastilah tafsiran sejarah yang terhasil akan mengandungi banyak kelemahan dan jauh daripada kebenaran. Keadaan ini berbeza dengan penyelidik sejarah yang benar-benar memahami dan menguasai disiplin sejarah, yang menekankan penggunaan sumber sahih serta mampu membuka ruang untuk mencapai

kebenaran sejarah. Menurut Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun (2012: 84):

“Telah wujud rekod-rekod asing yang telah memberi gambaran mengenai kewujudan entiti-entiti politik ataupun sosial di sekitar kawasan pesisir dan lembah sungai Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ke-2 Masihi lagi. Rekod-rekod tersebut termasuklah catatan-catatan China, penulisan India dan Arab, serta sumber-sumber penulisan tempatan. Rekod-rekod tersebut wujud dalam bentuk catatan pelayaran, ensiklopedia dan juga penulisan-penulisan sastera. Kebanyakan sumber-sumber tersebut memberi gambaran tentang masyarakat awal Semenanjung Tanah Melayu sebelum kurun ke-15 Masihi. Bermula pada awal kurun ke-16 Masihi, Kepulauan Nusantara telah mula didatangi oleh pendatang dari Eropah, dan pendatang Eropah yang pertama ialah orang Portugis. Mereka menghasilkan pelbagai rekod penting yang memberi gambaran tentang sejarah serta masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu. Setelah menjajah Melaka, para pentadbir Portugis menghasilkan lebih banyak laporan mengenai Kepulauan Melayu. Berbanding sumber tempatan, China, India dan Arab, sumber Portugis memiliki pelbagai kelebihan yang membolehkannya dianggap sebagai sumber sejarah yang lebih sahih. Hal ini berkait rapat dengan cara dan tujuan rekod-rekod tersebut dihasilkan. Sumber-sumber Portugis lazimnya dihasilkan oleh golongan birokrat atau akademik; oleh itu rekod-rekodnya bersifat lebih objektif, tersusun, dan dihasilkan berasaskan kajian yang mendalam dan bersifat saintifik.”

Malah, berbeza dengan tulisan Abdullah Munshi yang tidak mengambil kira konteks keadaan Tanah Melayu ketika itu, iaitu bukan pada zaman kegemilangannya, sumber-sumber Portugis memberikan gambaran yang bertentangan. Seperti yang dihuraikan oleh Azmi Arifin (2021: 316–317):

“Sumber-sumber Portugis banyak menjelaskan tentang kekayaan, kemakmuran dan kemajuan Melaka. [...] Perihal keagungan, kekayaan dan kemakmuran Melaka, yang berada di bawah pemerintahannya yang bijak dan saksama, turut sama dijelaskan dalam teks Sulalat-us-Salatin.”

Feudalisme, bagi sarjana sosialis, berfungsi sebagai “*tahap*” sejarah yang mendahului kapitalisme, justeru menjadi asas dialektika kelas dalam kerangka teori mereka. Namun, konsep “*feudalisme Melayu*” sebenarnya bermasalah. Ia berakar daripada naratif kolonial yang sejak awal melukis orang Melayu sebagai masyarakat feudal dan statik. Apabila teori Marxis dipaksakan ke atas sejarah Melayu, ia akhirnya hanya mengulangi dan menggandakan *bias* kolonial itu.

Jika demikian keadaannya, maka acuan spekulasi sejarah mereka itu tidaklah wajar dianggap sebagai falsafah sejarah, tetapi seharusnya falsafah yang dipaksakan ke atas sejarah. (Mohd. Yusof Ibrahim, 2013: 119)

Hakikatnya, konsep feudalisme yang berakar daripada pengalaman sejarah Eropah sama sekali tidak selaras dengan realiti sosial dan budaya Melayu. Masyarakat Melayu sebelum penjajahan terbentuk melalui asas adat, agama, dan jaringan ketaatan yang bersifat timbal balik, bukan semata-mata melalui hubungan penindasan kelas sebagaimana dibayangkan dalam kerangka feudal Eropah.

Kelemahan Pendekatan Marxis

Reduksionisme Sejarah

Sejarah Melayu sering kali ditafsir secara sempit dan selektif oleh sebahagian sarjana tempatan sehingga menghasilkan gambaran yang tidak lengkap, malah kadangkala penuh kontradiksi. Dalam usaha mengangkat konsep “*Feudalisme Melayu*”, mereka cenderung memetik perenggan-perenggan tertentu daripada *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, dan naskhah-naskhah lain yang kelihatan menyokong teori mereka. Misalnya, gambaran tentang pemerintah yang berkuasa mutlak dan zalim, rakyat yang dikatakan sekadar hamba yang menurut, raja yang tidak boleh disanggah, atau hulubalang yang taat setia tanpa batas.

Sarjana sosialis yang meneliti perjanjian raja dan rakyat dalam *Sulalat al-Salatin* memilih untuk menekankan hanya bahagian yang menyatakan rakyat mesti taat walau apa pun yang terjadi. Mereka mengabaikan makna asal perjanjian tersebut sebagai *ikrar suci* bahawa raja wajib berlaku adil dan tidak menzalimi, manakala rakyat pula berjanji setia kepada pemerintahan yang adil. Tafsiran yang terpilih ini sengaja digunakan untuk menyokong gagasan “*psikologi feudal*” yang kononnya mengikat masyarakat Melayu dalam ketaatan membuta tuli: “*Perhubungan hulubalang dengan pembesar atau raja bersifat taat setia sepenuhnya.*” (Shaharuddin Maaruf, 2014: 8).

Begitu juga dengan sistem sosial seperti kerah, gotong royong, atau adat bermasyarakat yang sepatutnya difahami dalam konteks budaya dan zamannya. Sistem ini, yang berfungsi sebagai sokongan bersama, dan jaminan sosial masyarakat, sebaliknya ditafsir secara salah sebagai bentuk kerahan tuan terhadap hamba. Pentafsiran sebegini bukan sahaja menyelewengkan makna asal, tetapi juga merendahkan warisan sosial Melayu dengan memaksanya tunduk kepada kerangka teori luar yang tidak pernah lahir daripada realiti sejarah bangsa itu sendiri.

Sikap selektif ini dapat dilihat apabila Abdul Rahman Hj. Ismail, yang menggunakan sumber yang sama (*Sulalat al-Salatin*), memperoleh gambaran yang berbeza. Dalam karya tersebut sebenarnya terdapat naratif yang menolak tanggapan feudal secara mutlak. Peristiwa rakyat dan pembesar bangkit menentang raja yang zalim, catatan tentang aduan rakyat terhadap kezaliman yang diambil tindakan, serta kisah raja yang gigih mempertahankan kedaulatan dan wilayah negeri daripada ancaman penjajahan Portugis.⁸ Perbezaan tafsiran ini muncul kerana beliau mengambil pendekatan holistik, iaitu mempertimbangkan keseluruhan konteks dalam teks dan tidak mereduksi mana-mana peristiwa:

“Seperti yang terbukti daripada beberapa kisah seterusnya di dalam Sulalat-us-Salatin sendiri, pernyataan terakhir (‘jikalau jahat pekertinya atau aniaya sekalipun...’) itu tidaklah benar. Raja Melayu pernah melanggar perjanjian tersebut dan rakyat Melayu pernah derhaka dan ‘memalingkan muka’ daripada raja mereka terutama apabila raja itu ‘jahat’ dan ‘aniaya’” (Abdul Rahman, 2025: 25)

Paksaan Konsep Feudalisme

Mereka juga (pengkaji revisionis) mengkritik hebat pendekatan yang dibawa, khususnya oleh para pengkaji aliran Marxis yang begitu terikat dengan idea kemajuan dan teori evolusi sosial yang gemar menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah melalui tahap-tahap sejarah tertentu yang ketat seperti yang disarankan oleh Karl Marx. [...] Para pengkaji aliran Revisionis juga mengkritik usaha mengaitkan feudalisme dengan amalan penindasan ‘sur la

terre' itu, bagi pengkaji Revisionis, merupakan fenomena sejagat yang wujud dalam pelbagai zaman dan masyarakat, yang menjelaskan tiadanya kaitan lansung elemen-elemen itu dengan kewujudan amalan feudalisme. (Azmi Arifin, 2023: 131)

Teori Marxis klasik menekankan bahawa masyarakat manusia berkembang melalui tahap-tahap sejarah tertentu, iaitu bermula daripada feudalisme, kemudian bergerak ke arah kapitalisme, dan akhirnya menuju ke sosialisme. Atas dasar kerangka pemikiran ini, sebahagian sarjana tempatan terdorong untuk menggunakan konsep “*feudalisme Melayu*” bagi menyesuaikan sejarah masyarakat Melayu dengan model *universal* yang ditawarkan Marx. Namun, hakikatnya, penggunaan konsep ini tidak tepat kerana struktur sosial Melayu tidak sama dengan feudalisme Eropah.

Namun, akhirnya apa-apa yang ditakrifkan oleh Bloch dan ahli sejarah sealiran dengan itu sebenarnya bukanlah ciri-ciri sebuah ‘masyarakat feudal’ semata-mata, sebaliknya ciri-ciri masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan itu sendiri secara keseluruhannya. [...] Oleh itu, kekeliruan pastinya timbul apabila tulisan mereka digunakan sebagai rujukan utama bagi membincangkan tentang feudalisme, lebih-lebih apabila rujukan dibuat di luar daripada batas-batas yang dipegang atau konteks yang digunakan oleh Bloch. (Azmi Arifin, 2023: 16)

Dalam konteks Eropah, feudalisme tampil sebagai sebuah sistem hierarki kelas yang ketat, iaitu golongan bangsawan menguasai hampir seluruh sumber ekonomi dan politik, sementara rakyat bawahan terikat dalam kedudukan yang sarat dengan eksploitasi. Sebaliknya, dalam masyarakat Melayu, hubungan sosial memperlihatkan corak yang jauh lebih kekeluargaan. Pemimpin sering digambarkan sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab menyediakan perlindungan, keadilan, dan kesejahteraan. Sementara itu, rakyat digambarkan menzahirkan peranan sebagai anak-anak yang membalas jasa tersebut melalui kesetiaan, sokongan, dan sumbangan mereka, sama ada dalam bentuk tenaga atau hasil kerja.

Lebih daripada itu, hubungan ini diperkukuh oleh pengaruh agama Islam dan adat istiadat yang menekankan nilai kesetiaan, keharmonian, serta tanggungjawab bersama. Maka, walaupun terdapat unsur hierarki dan ketidakseimbangan kuasa, hubungan antara pemimpin dengan rakyat dalam masyarakat Melayu tidak dapat ditafsirkan semata-mata sebagai bentuk eksploitasi kelas. Sebaliknya, hubungan ini harus difahami sebagai suatu ikatan moral, budaya, dan spiritual yang menautkan kehidupan bersama dalam satu jaringan sosial yang saling bergantung dan saling melengkapi.

Oleh itu, menggunakan konsep feudalisme Eropah secara langsung untuk menafsirkan masyarakat Melayu boleh menimbulkan kekeliruan terhadap realiti sejarah tempatan. Struktur sosial Melayu seharusnya difahami dalam kerangka yang lebih sesuai dengan konteksnya sendiri. Hal yang demikian perlu dilihat bagaimana adat, agama, dan sistem politik sebelum penjajahan saling berpadu membentuk jalinan hubungan sosial.

Bergantung kepada Naratif Kolonial

Dalam usaha mencari “*bukti sejarah*” yang selari dengan kerangka Marxis, ramai sarjana bergantung pada karya-karya orientalis kolonial seperti Swettenham, Winstedt, dan Gullick. Sumber-sumber ini sering dijadikan rujukan utama tanpa disertai kritikan disiplin yang mendalam terhadap latar, niat, dan *bias* penulisnya.

Akibatnya, penulisan sejarah yang dihasilkan tidak benar-benar melepaskan diri daripada kerangka kolonial. Sebaliknya, hanya sekadar mengulang kembali pandangan

orientalis dalam wajah baharu yang dilapisi teori Marxis. Dengan kata lain, usaha untuk membebaskan historiografi Melayu daripada belenggu kolonial gagal tercapai, kerana naratif lama terus diwarisi dan dikitar semula dengan istilah yang berbeza.

Maka jelaslah bahawa kebergantungan secara membuta tuli terhadap sumber-sumber kolonial bukan sahaja membataskan kerangka pemahaman sejarah, malah secara langsung melahirkan pengetahuan yang sarat dengan *bias* kolonial, bersifat reduksionis, dan pada asasnya tidak akurat. Untuk membangunkan historiografi Melayu yang benar-benar merdeka, para penyelidik perlu mengasah sikap kritis terhadap warisan orientalis, di samping menggali kembali sumber objektif, manuskrip asli, serta naratif masyarakat sendiri. Hanya dengan demikian, sejarah Melayu dapat ditulis dari perspektif yang lebih adil, seimbang, dan berpijak pada pengalaman sebenar bangsa ini.

Abstrak dan Tidak Kontekstual

Teori dialektika materialisme historis sering dianggap terlalu rumit dan kurang sesuai bila digunakan untuk memahami sejarah Melayu. Konsep seperti kelas, ekonomi, dan pola tesis–antitesis–sintesis lebih banyak mencerminkan pengalaman Barat daripada realiti masyarakat Melayu. Akibatnya, tafsiran sejarah Melayu sering terlihat dipaksa agar sesuai dengan teori tersebut. Unsur penting seperti adat, kesultanan, hubungan sosial, dan pengaruh agama justeru diabaikan atau dianggap hanya sebagai akibat faktor ekonomi. Hal ini menyebabkan sejarah Melayu seolah-olah tidak ditafsir berasaskan ciri dan struktur sosial serta pengalaman sejarah masyarakatnya sendiri. Sebaliknya dipaksa tunduk kepada kerangka pemikiran luar yang asing dan tidak sepenuhnya serasi dengan realiti tempatan.

Usaha Revisionis Terhadap Tafsiran Sejarah Tanah Melayu

Revisionis sejarah lazimnya muncul sebagai respons terhadap penulisan sejarah yang dianggap tidak berwibawa, sama ada kerana penggunaan sumber yang lemah, kegagalan menilai konteks, atau penyelewengan tafsiran bagi memenuhi tujuan tertentu, termasuk kepentingan politik dan ideologi. Dalam tradisi historiografi, revisi sejarah biasanya berlaku apabila muncul sumber-sumber baharu yang lebih akurat dan lebih kukuh berbanding sumber yang menjadi asas sejarah arus perdana.

Naratif kolonial dalam penulisan sejarah Melayu tidak boleh dianggap neutral atau objektif; sebaliknya, naratif ini merupakan produk wacana kolonial,⁹ iaitu suatu bentuk kuasa pengetahuan yang dibina untuk menjustifikasikan penjajahan dan mengekalkan dominasi Barat. Wacana ini tercermin dalam cara orientalis menggambarkan masyarakat Melayu sebagai statik, feodal, malas, dan tidak berkeupayaan mengurus tadbir tanpa campur tangan asing. Dengan menampilkan imej sedemikian, kolonialisme bukan sahaja berfungsi sebagai kuasa politik dan ekonomi, tetapi juga sebagai kuasa budaya dan intelektual yang berusaha mengawal bagaimana sejarah Melayu difahami.

Revisionisme menolak penguasaan ideologi kolonial ini dengan menegaskan bahawa penulisan sejarah tidak boleh lagi bergantung kepada kerangka kolonial yang jelas bersifat *bias* dan bertujuan memburukkan imej peribumi. Naratif kolonial mendiskriminasi pengalaman peribumi dengan menilai adat, sistem politik, dan budaya Melayu melalui piawaian Eropah-sentrik. Selain itu, naratif ini turut menyembunyikan realiti eksploitasi penjajah di sebalik retorik “*pembangunan*” dan “*pemodenan*”. Dengan kata lain, naratif kolonial telah menghapuskan suara peribumi sebagai subjek sejarah, sebaliknya menjadikan mereka objek yang ditafsirkan semata-mata mengikut kepentingan Barat.

Adalah jelas bahawa sebelum kedatangan kuasa-kuasa barat yang bersaing merebut wilayah politik dan ekonomi lalu memecahkan rantau Nusantara

kepada Kawasan-kawasan pengaruh masing-masing, Sumatera dan Semenanjung adalah dalam segenap segi dua bahagian daripada jasad Nusantara barat yang satu. (Abdul Rahman, 2025: 68)

Sebagai usaha revisionis, penulisan sejarah Melayu perlu meninjau semula sumber, metodologi, dan kerangka analisis yang digunakan. Hal ini termasuk menilai secara kritis karya-karya yang dipengaruhi penulisan orientalis, menyingkap *bias* tersembunyi, dan mengangkat sumber yang objektif sebagai asas penting dalam memahami sejarah Melayu. Dengan pendekatan kritikal ini, penulisan sejarah Melayu dapat dikaji semula dari perspektif peribumi, sekali gus mengurangkan pengaruh wacana kolonial yang selama ini mendominasi tafsiran sejarah, dan dikembalikan kepada asasnya sebagai naratif yang benar-benar mencerminkan pengalaman, pandangan dunia, dan aspirasi masyarakat tempatan.

Kepentingan Revisionisme dalam Historiografi dan Tafsiran Sejarah

Revisionisme dalam historiografi merujuk kepada usaha menilai semula, mengkritik, dan menafsir kembali naratif sejarah sedia ada dengan mengemukakan tafsiran baharu berdasarkan sumber-sumber yang lebih akurat. Pentafsiran semula ini bukan sekadar penolakan terhadap penulisan sejarah terdahulu, tetapi merupakan satu proses intelektual yang kritis bagi menyingkap kelemahan metodologi, *bias* ideologi, serta kepentingan politik yang mungkin tersembunyi di sebalik sesuatu naratif sejarah. Melalui revisionisme, penyelidik berusaha mengetengahkan perspektif baharu yang lebih dekat dengan realiti, dan memberikan keadilan sejarah kepada pihak yang sewajarnya. Dalam konteks Tanah Melayu, keadilan sejarah kepada peribumi.

Satu contoh revisionisme yang berjaya mengubah secara drastik tafsiran sejarah ialah gerakan *Israeli New Historians*, iaitu sekumpulan sarjana seperti Avi Shlaim, Ilan Pappé, Benny Morris, Tom Segev, dan lain-lain. Mereka mula mencabar naratif rasmi negara setelah menemui rekod-rekod British yang baharu dinyahrahsia. Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut, mereka menghasilkan tafsiran yang sangat berbeza, bahkan bertentangan sama sekali dengan historiografi rasmi Israel. Seperti diuraikan oleh Ilan Pappé (2021):

“Pada penghujung 1970-an, Israel, Britain, PBB dan Perancis membuka dokumentasi tahun 1948 kepada umum. Beberapa sarjana di Israel dan luar negara bergegas ke arkib di Jerusalem, London dan Washington apabila kelompok pertama dokumen dinyahrahsia mengenai perang 1948 mula boleh diakses. Beberapa tahun kemudian, jelas bahawa dokumen-dokumen ini mendedahkan gambaran historiografi baharu tentang perang, yang bertentangan sama sekali dengan gambaran yang digambarkan oleh sistem pendidikan, komunikasi dan politik di Israel. Gambaran baharu ini bercanggah dengan memori nasional kolektif Israel mengenai tahun 1948, tahun mitologi dan pembentuk bagi majoriti Yahudi di Israel. [...] Dokumen mendedahkan dunia Arab yang berpecah serta masyarakat Palestin yang sangat lemah secara ketenteraan, tidak mampu mengancam kewujudan masyarakat Yahudi. Kepimpinan negara-negara Arab lebih banyak terlibat dalam retorik perlindungan Palestin berbanding persiapan ketenteraan sebenar. [...] Mitos pemusnahan juga dicabar melalui penekanan yang diberikan oleh sejarawan baharu terhadap persefahaman sulit antara Hashimite dan Yahudi menjelang perang”.

Dalam konteks sejarah politik Melayu (tahun 1940-an hingga pembentukan Malaysia),

gerakan revisionis timbul apabila Arkib British mengeluarkan dokumen-dokumen *Colonial Office* yang mengandungi telegram, laporan sulit, dan nota rasmi berkaitan pentadbiran kolonial di Tanah Melayu. Dokumen ini memberikan gambaran penting tentang cara pentadbiran British menanggapi kebangkitan politik dan usaha mereka menyusun semula struktur kuasa di Tanah Melayu (Azizi Yazit, 2025: 158-159). Antara penyelidik yang menggunakan dokumen ini ialah A. J. Stockwell dan Frank Furedi. Azmi Arifin (2021: 67) menulis:

“Frank Furedi dan A. J. Stockwell menggunakan rekod-rekod British untuk mengkaji sejauh mana dasar-dasar ini dilaksanakan oleh pihak kolonial British terhadap gerakan anti-kolonial”

Beliau menambah lagi (2021: 91):

“Hujah-hujah Furedi sememangnya amat menarik dan telah mencabar pandangan-pandangan awal kebanyakan pengkaji sejarah yang cenderung menganggap pengisytiharan darurat oleh British berpunca daripada konspirasi komunis. [...] Pandangan beliau diperkukuh lagi oleh beberapa penemuan daripada penyelidikan mendalam terhadap rekod-rekod British yang dilakukan oleh sarjana British, iaitu A. J. Stockwell.”

Furedi mencabar tafsiran rasmi mengenai Darurat 1948 yang lazimnya dikaitkan dengan pemberontakan komunis. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa peristiwa tersebut merupakan sebuah perang kolonial, iaitu rangkaian tindakan yang dilancarkan oleh pihak penjajah untuk menangkap dan menyekat kelompok anti-kolonial. Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak menonjolkan peranan nasionalis aliran agama dan nasionalis arus bawah, sedangkan kedua-duanya merupakan kelompok penting dalam gerakan anti-kolonial. Hujah Furedi itu kuat dan disokong oleh bukti yang kukuh, namun tetap tidak lengkap. Ini kerana tidak sepenuhnya berpaksikan perspektif peribumi, khususnya peranan kelompok kiri Melayu dan golongan agama. Kekurangan ini berpunca daripada keterbatasan pemahaman Furedi terhadap keseluruhan konteks nasionalisme Melayu, termasuk dinamika arus bawah, arus tengah dan arus atas.

Kepluan untuk menambah baik tafsiran revisionis seperti yang dikemukakan oleh Furedi dan A. J. Stockwell telah dipenuhi oleh golongan pasca-revisionis, antaranya Azmi Arifin. Hanya setelah penambahbaikan tersebut dilakukan barulah naratif revisionis menjadi lebih lengkap dan benar-benar berpaksikan perspektif peribumi. Golongan pasca-revisionis juga memperhebatkan cabaran terhadap tafsiran sejarah arus perdana yang bukan sahaja tidak berpaksikan peribumi, malah gagal melakukan tafsiran semula meskipun sumber-sumber baharu telah tersedia. Antara cabaran tersebut ialah usaha mempertikaikan tafsiran sejarah tentang berlakunya perang saudara di Perak, sifat feodal kepimpinan tradisional Melayu, dan kewujudan sistem kerah serta perhambaan di Tanah Melayu.

Dalam konteks historiografi Tanah Melayu, revisionisme menjadi penting kerana penulisan sejarah tempatan telah lama dipengaruhi oleh dua tradisi besar iaitu Orientalisme dan Marxisme. Kedua-dua tradisi ini, meskipun berbeza namun sama-sama membatasi pemahaman tentang masyarakat Melayu kerana mereka menilai sejarah berdasarkan ukuran luar, sama ada Eropah-sentrik atau ideologi kelas.

Usaha yang sama turut berlaku di India dengan kemunculan kelompok intelektual yang terdiri daripada penyelidik-penyelidik yang dikenali sebagai kumpulan pengkaji *Subaltern*.¹¹ Kumpulan ini mencetuskan revolusi historiografi di India dengan membawa metodologi yang berakar kuat dalam pengalaman rakyat (peribumi). Daripada usaha mereka lahirlah esei-esei

penting dalam kerangka Pascakolonial. Edward Said (2016: 546) menulis:

“Namun demikian, kajian revisionis yang menurut saya paling baik justru tidak berasal dari Kajian-Kajian Timur Tengah, melainkan dari kajian-kajian Indologi yang kemudian melahirkan apa yang kita kenal sebagai ‘Kajian Subaltern’, sebuah kelompok yang terdiri daripada para sarjana dan peneliti yang dipimpin oleh Ranajit Guha. Tujuan kajian ini tidak lain adalah melakukan revolusi terhadap historiografi, khususnya menyelamatkan penulisan sejarah India daripada dominasi elit nasionalis dan mengembalikan hak tersebut kepada masyarakat miskin, baik di kawasan urban mahupun rural.”

Dalam konteks revisionisme historiografi Tanah Melayu, konsep *Sejarah Bertunjang* merupakan pendekatan penting dalam usaha merombak dan menilai semula makna-makna sejarah. Tujuannya agar penulisan sejarah Malaysia tidak terus dibayangi oleh pengaruh luar yang bersifat memusatkan Eropah atau membawa kesan negatif terhadap pemahaman identiti peribumi. Pendekatan ini menekankan keperluan untuk membina naratif sejarah yang berpaksikan perspektif peribumi, khususnya orang Melayu sebagai kelompok asal yang membentuk akar peradaban di rantau ini. Konsep ini digagaskan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, seorang sarjana yang bukan sahaja mengemukakan rangka teori secara jelas, tetapi turut menghasilkan karya-karya sejarah yang mengangkat tema, suara, dan pengalaman peribumi sebagai pusat analisis sejarah. Pendekatan beliau membuka ruang bagi pembentukan tradisi intelektual yang lebih seimbang dan berpijak pada realiti masyarakat tempatan. Azmi Arifin (2025: 5–9) menghuraikan perkara ini dengan lebih mendalam:

“Tidak ramai sarjana yang mampu menghasilkan penulisan sejarah berasaskan pentafsiran baharu dan persejarahan yang sarat dengan tafsiran bersifat tempatan serta bebas daripada kongkongan idea-idea dan gagasan sejarah yang terlalu berpusatkan Eropah. Beliau antara beberapa sarjana ulung yang menganjurkan pemikiran sejarah yang melihat dari acuan peribumi atau yang disebut sebagai ‘sejarah bertunjang’, iaitu pentafsiran sejarah yang berasaskan hak dan keadilan yang menempatkan orang Melayu, atau peribumi, sebagai akar perspektif dan paparannya, bukannya orang asing dan pihak luar yang mendatang dan mencorakkan sejarah atau menumpang sejarah di kemudian hari. [...] Menyediakan suatu asas yang membolehkan suatu bentuk pemikiran baharu dalam tradisi penulisan sejarah di Malaysia berkembang tanpa menafikan kedudukan peribumi, yakni orang Melayu, sebagai landasan bagi memahami sejarah pembentukan bangsa di rantau ini. [...] Tafsiran Abdul Rahman yang lebih mendalam dan melihat sejarah dari acuan yang lebih bertunjang dan panjang perlulah diangkat dan dikembangkan lagi dalam kajian-kajian sejarah Malaysia yang masih sarat dengan tafsiran berkiblatkan acuan dan konsep Barat, dan dibentuk oleh tumpuan keterlaluan terhadap proses-proses yang disebut sebagai pemodenan atau pabaratan dunia Melayu sejak kurun ke-19.”

Percubaan sarjana-sarjana tempatan untuk menulis sejarah secara revisi tanpa mengamalkan disiplin sejarah yang ketat dan tanpa menggunakan pendekatan *Sejarah Bertunjang* akhirnya menyesatkan tafsiran mereka. Hasil penulisan sebegini tidak berasaskan bukti yang kukuh, bersifat andaian semata-mata, dipengaruhi tulisan orientalis yang berat sebelah, dan gagal menzahirkan keadilan sejarah bagi perspektif peribumi. Sebagai contoh,

antara tafsiran yang tersasar ialah dakwaan bahawa kaum-kaum lain seperti Cina dan India turut sama menyumbang kepada perjuangan kemerdekaan:

“Juga, adalah mengelirukan untuk mendakwa bahawa hanya orang Melayu yang berjuang untuk kemerdekaan daripada pemerintahan British. Sebagaimana kumpulan etnik yang berbeza membantu membina negara ini, begitu juga mereka menyumbang kepada perjuangan kemerdekaan. Mereka berbuat demikian dengan cara berlainan dan pada tahap yang berbeza.” (Syed Husin Ali, 2014: 205)

“Ting juga menyeru agar wujud sejarah kebangsaan yang lebih inklusif yang mencerminkan peranan semua komuniti.” (Free Malaysia Today, 2025)

Penyataan di atas merupakan usaha untuk menghasilkan sejarah yang inklusif, namun mengabaikan keperluan untuk meletakkan tafsiran atas asas sumber yang sahih dan tepat. Ramai sarjana tempatan yang menekuni kajian sejarah kurang memiliki asas yang kukuh, dan pemahaman mereka terhadap sumber-sumber sejarah sering longgar. Hal ini tercermin dalam kenyataan seorang sarjana yang memandangkan sumber perisik British sebagai berat sebelah:

“Berhati-hati dalam bergantung pada sumber rasmi atau sumber yang berat sebelah, seperti dokumen Cawangan Khas, kerana sumber sedemikian boleh memesongkan pemahaman umum tentang tokoh dan gerakan sejarah jika diterima tanpa penelitian kritikal.” (Free Malaysia Today, 2025)

Pendekatan ini menunjukkan ketidakfahaman terhadap fungsi sebenar dokumen perisik. Sumber-sumber British sering dijadikan sumber primer kerana sumber-sumber ini menawarkan maklumat terperinci mengenai gerakan anti-kolonial, walaupun perlu dianalisis secara kritikal untuk mengenal pasti *bias*. Dokumen ini diwujudkan agar perisik British dapat melaporkan dengan tepat aktiviti anti-kolonial, maklumat yang diperlukan oleh pentadbiran kolonial untuk mengekalkan kuasa. Dalam hal ini, penyelidik sejarah berperanan seperti penyiasat jenayah. Mereka perlu menganalisis komunikasi tertuduh dengan individu lain, termasuk penubahat, untuk membentuk gambaran yang tepat tentang peristiwa sebenar.

Berbeza dengan pendekatan sarjana tempatan yang kurang kritikal, Furedi dan A. J. Stockwell walaupun melakukan revisi yang tidak lengkap sepenuhnya, tetap berada pada landasan yang betul kerana kajian mereka berasaskan sumber-sumber yang kukuh dan mematuhi disiplin sejarah yang ketat. Mereka menekankan kepentingan menganalisis dokumen rasmi dengan teliti bagi memahami konteks sebenar gerakan anti-kolonial. Seperti yang dinyatakan oleh Azmi Arifin:

Usaha untuk menenggelamkan imej-imej serdahana perjuangan nasionalis Melayu dan menggantikannya dengan imej-imej keganasan anjuran anasir-anasir komunis dan PKM diakui oleh beberapa pengkaji British, antaranya seperti Frank Furedi dan A.J Stockwell, yang menggunakan rekod-rekod British bagi mengkaji sejauh mana dasar-dasar ini dilaksanakan oleh pihak kolonial British terhadap gerakan antikolonial. (Azmi Arifin, 2020: 65)

Dengan menggunakan rekod-rekod British sebagai asas, Furedi dan Stockwell mampu membina tafsiran sejarah yang lebih berhati-hati, berstruktur, dan hampir bebas dari distorsi. Walaupun revisi mereka tidak meliputi keseluruhan dimensi perjuangan peribumi, pendekatan mereka menunjukkan bahawa sumber yang sahih dan analisis kritikal dapat menghasilkan

naratif sejarah yang lebih tepat serta adil.

Rekod-rekod British yang memaparkan tentang sikap, pendekatan dan perancangan mereka terhadap gerakan nasionalis Melayu juga amat kurang dianalisis dan dinilai semula untuk membolehkan kita menerobos dengan lebih jauh lagi bagi melihat, daripada kaca mata pihak penjajah itu sendiri, tentang bagaimana mereka membayangi, melihat, memberi reaksi dan bertindak balas secara tersusun terhadap setiap gerakan pribumi yang didapati boleh memberi ancaman kepada mereka. Penilaian yang lebih menyeluruh terhadap rekod-rekod rasmi British dapat memberikan suatu gambaran yang lebih padu tentang bagaimana tindakan-tindakan kekerasan telah diambil oleh pihak kolonial secara menyeluruh dan berpanjangan bagi memastikan sokongan orang Melayu terhadap gerakan antikolonial dapat dihapuskan. (Azmi Arifin, 2020: 66-67)

Revisionisme hadir sebagai satu langkah untuk membebaskan historiografi daripada pengaruh tersebut dengan menegaskan kembali keaslian pengalaman peribumi, termasuklah dimensi agama, adat, budaya, serta kepemimpinan tradisional. Kemunculan tafsiran-tafsiran baharu daripada aliran revisionis ini, meskipun mampu memberikan impak besar terhadap tafsiran sejarah Tanah Melayu khususnya pada era pasca-Perang Dunia Kedua, tetap tidak diendahkan oleh majoriti penyelidik sejarah, terutamanya mereka yang beraliran ortodoks.¹²

Prinsip dan Metodologi Penulisan Revisionis Berpaksikan Perspektif Peribumi Kritikan Sumber: Pembacaan Melawan Arus Berpaksikan Perspektif Peribumi

“Pegawai British yang demi kepentingannya sendiri menghodohkan watak dan perjuangan pejuang kemerdekaan pribumi itu.” (Abdul Rahman, 2022: 58)

Pembacaan melawan arus (*reading against the grain*)¹³ amat diperlukan dalam penyelidikan sejarah, khususnya apabila berhadapan dengan dokumen-dokumen rasmi kolonial yang lazimnya menggambarkan gerakan peribumi sebagai bersifat negatif, radikal dan subversif. Pembacaan melawan arus menuntut agar penjajah dan pihak yang dijajah diletakkan pada kedudukan yang sewajarnya. Secara logik dan rasional, mustahil penjajahan dapat dianggap sebagai suatu amalan yang mulia atau berperikemanusiaan; oleh itu, perlawanan yang dilakukan oleh pihak yang dijajah merupakan tindakan yang munasabah dan wajar diiktiraf sebagai usaha membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Berasaskan kefahaman inilah, penilaian yang lebih adil dan seimbang antara kebenaran serta kebatilan dapat dilakukan.

“Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, dalam mengkaji sumber kolonial yang bersifat berat sebelah ini, perkara yang perlu diutamakan oleh setiap pengkaji nasionalisme ialah “dalil akal” atau “logik pemikiran” yang berfungsi mengimbangi antara fakta sebenar dengan fakta yang telah diselewengkan atau disembunyikan.” (Azmi Arifin, 2025: 39)

Selain penggunaan akal dan logik yang jelas dalam membezakan antara mangsa dan pemangsa, empati yang mendalam juga amat diperlukan bagi memastikan proses pembacaan lawan arus dilaksanakan berlandaskan keadilan sejarah terhadap pihak yang dizalimi, khususnya masyarakat peribumi yang mengalami penjajahan. Empati ini membolehkan

penyelidik memahami pengalaman, penderitaan dan aspirasi masyarakat peribumi dari sudut pandang mereka sendiri, bukan semata-mata melalui kerangka pemikiran penjajah. Dengan pendekatan sedemikian, pentafsiran terhadap sumber kolonial dapat dilakukan secara lebih adil, berimbang dan bertanggungjawab, sekali gus mengelakkan pengulangan wacana yang menormalisasikan penindasan dan penyelewengan sejarah.

Pemahaman yang mendalam mengenai peribumi, termasuk pengalaman sejarah, budaya, dan sistem kepimpinan mereka sebelum penjajahan, dapat diperoleh dengan merujuk kepada teks-teks peribumi seperti *Sulalat-us-Salatin*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Deli*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Pahang* dan karya-karya lain yang memaparkan sejarah serta perjuangan masyarakat peribumi secara lebih terbuka dan terperinci (Abdul Rahman, 2022: 58). Selain itu, kefahaman ini dapat diperkukuh melalui kaedah rujuk silang antara teks-teks peribumi tersebut dengan sumber-sumber bukan peribumi seperti dokumen dan catatan Portugis, China, India, Arab dan lain-lain. Kefahaman yang tinggi dan menyeluruh terhadap perspektif peribumi ini penting bagi memastikan proses pembacaan melawan arus dapat dilaksanakan secara lebih kritis dan berkesan.

Politik Melayu yang masih utuh sebelum kedatangan penjajahan British, seperti di Johor, Siak, Deli, Riau, Pahang dan wilayah-wilayah lain, pada ketika itu masih berupaya melahirkan dan mengekalkan penghasilan karya-karya historiografi tradisional seperti Sulalat-us-Salatin, Hikayat Siak, Hikayat Deli, Tuhfat al-Nafis dan Hikayat Pahang. Karya-karya ini bukan sahaja merakamkan sejarah dan perjuangan masyarakat pribumi secara lebih terperinci, malah mencerminkan pandangan dunia, struktur kuasa dan pemikiran politik Melayu, walaupun sebahagian besar naratifnya mungkin dituturkan dari sudut pandangan golongan pemerintah dan elit istana. (Abdul Rahman, 2022: 58)

Dalam menilai tradisi persejaraan Melayu, Abdul Rahman Haji Ismail (2025: 74–75) turut menegaskan bahawa *Sulalat al-Salatin* memperlihatkan kekuatan dan keaslian kerangka kepimpinan Melayu yang berakar dalam warisan peribumi, di samping mempunyai pertalian dengan tamadun lain:

Sulalat-us-salatin menegaskan bahawa kepimpinan bangsa Melayu bukan sahaja ada pertalian dengan warisan kepimpinan Eropah, Asia Barat dan Benua India, serta setanding atau malahan lebih hebat daripada sesetengah kuasa lain itu, ia juga amat pekat dan ketal dengan warisan peribuminya. [...] Kerangka fikir kerajaan Melayu seperti yang digarap di dalam Sulalat-us-salatin ini menjadi lebih jelas apabila diamati dari sudut budaya dan terbukti kebenarannya apabila disemak berasaskan perkembangan sebenar sejarah Nusantara dan Asia Tenggara keseluruhannya.

Selain teks-teks lama peribumi, sumber-sumber “berpusatkan Tanah Melayu” memainkan peranan penting dalam memahami sejarah dari perspektif peribumi. Sumber ini merangkumi tafsiran sejarah perjuangan peribumi, biografi, memoir, dan autobiografi tokoh-tokoh yang secara langsung terlibat sebagai pelaku sejarah. Naratif yang terhasil berfungsi sebagai rujukan penting dalam pembentukan makna sejarah berdasarkan pengalaman dan perspektif peribumi.

Selari dengan pendekatan ini, muncul kajian-kajian “berpusatkan Tanah Melayu” oleh para penyelidik tempatan yang memperhalusi sejarah

kebangkitan, pemberontakan serta tokoh-tokoh yang menentang British, sekali gus membina naratif baharu nasionalisme Melayu. [...] Selain itu, biografi, riwayat hidup nasionalis Melayu serta memoir dan autobiografi mereka turut menjadi sumber alternatif yang penting dalam memahami pergolakan sejarah yang berlaku. (Abdul Rahman, 2022: 50-51)

Pengaplikasian konsep *Sejarah Bertunjang* melahirkan naratif baharu yang bersifat responsif terhadap penyelewengan historiografi kolonial dengan menekankan konteks serta pengalaman peribumi. Sebagai contoh, naratif mengenai amalan “*kerah*” yang sering ditafsirkan oleh sarjana kolonial sebagai suatu bentuk penghambaan sebenarnya telah dibuktikan sebagai amalan gotong-royong yang lazim dalam masyarakat Melayu. Amalan ini bukan sahaja memperkukuh semangat saling membantu, malah mencerminkan perpaduan, sekali gus menyangkal tafsiran kolonial yang bersifat reduktif serta berfungsi menghalalkan penjajahan.

Dekonstruksi Makna: Membongkar Makna Dominan dalam Sejarah Rasmi

Bukanlah semua istilah dalam dunia intelektual sesuatu budaya (Barat) sesuai digunakan untuk menerangkan perkembangan di rantau lain. Pengalaman sejarah bangsa dan negara di rantau Melayu tidaklah sama dengan perkembangan dan pengalaman di Eropah yang menghasilkan istilah-istilah yang lumrah digunakan hari ini. (Abdul Rahman, 2022: 14)

Pendekatan dekonstruktif terhadap makna dominan merupakan satu usaha untuk menyingkap kebenaran yang terselindung di sebalik naratif sejarah rasmi. Pendekatan ini seterusnya mendekonstruksi atau membongkar makna-makna dominan dalam naratif sejarah kolonial bagi menghasilkan tafsiran baharu yang lebih adil dan kritikal.

Sebagai contoh, makna dominan dalam naratif pembanterasan pemberontakan komunis pada tahun 1948 sering menggambarkan British sebagai pihak yang berusaha keras memulihkan keamanan dan melindungi Tanah Melayu. Makna sebagai “*pemulih*” dan “*pelindung*” ini secara tersirat membina gambaran bahawa British merupakan kerajaan yang sah di Tanah Melayu, yang bertanggungjawab mengekalkan ketenteraman serta mematahkan ancaman pemberontakan komunis. Tafsiran sedemikian mbingkai tindakan kolonial sebagai langkah defensif yang berlegitimasi, sekali gus menjustifikasikan kehadiran British bukan sebagai penjajahan, sebaliknya sebagai usaha perlindungan.

Namun demikian, melalui proses dekonstruksi makna,¹⁴ konsep “*pemulih*” dan “*pelindung*” ini dapat dibongkar sebagai manifestasi penjajahan dalam bentuk baharu, iaitu neo-kolonialisme. Naratif tersebut berfungsi sebagai strategi untuk melindungi kepentingan ekonomi dan aset penjajah, serta yang paling utama, menghalang kebangkitan gerakan pembebasan dan tuntutan kemerdekaan oleh gerakan politik peribumi. Tindakan menahan nasionalis Melayu turut diklasifikasikan sebagai penahanan terhadap anasir komunis.

Dalam konteks ini, sumber-sumber alternatif memainkan peranan penting dalam membongkar naratif dominan tersebut. Teks-teks yang dihasilkan oleh peribumi, seperti memoir, autobiografi, catatan lisan, dan pengalaman mereka yang terlibat secara langsung dalam era tersebut, menjadi sumber utama dalam usaha dekonstruksi. Teks-teks ini bukan sahaja mencabar sejarah rasmi kolonial, malah mengembalikan agensi dan suara kepada subjek peribumi yang selama ini dipinggirkan dalam penulisan sejarah arus perdana.

Dengan menggunakan akhbar Melayu sebelum pendudukan Jepun seperti yang

dilakukan oleh Nik Ahmad Haji Nik Hassan. (Abdul Rahman, 2022: 47)

Selain itu, telah terhasil dengan agak subur buku-buku yang mengisahkan riwayat hidup dan perjuangan tokoh politik separuh kedua kurun ke-20 seperti Tunku Abdul Rahman, Dato' Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Za'ba dan banyak lagi. Tidak kurang menarik ialah tulisan yang bersifat kenangan, memoir dan autobiografi. Hasil penulisan Abdul Rahim Kajai, Harun Aminurrashid, A. Samad Ahmad, Abdul Aziz Ishak, Ibrahim Haji Yaakub, Ishak Haji Muhammad, Tunku Abdul Rahman Putra, Ahmad Boestamam, Mustapha Hussain, Khatijah Sidek, Muhammad Asri Muda dan lain-lain yang terlibat secara lansung dalam pergolakan menjelang setelah 1957, semuanya memperkaya khazanah maklumat yang boleh diambil manfaat oleh generasi muda kini dan masa depan. (Abdul Rahman, 2022: 50–51)

Rekonstruksi Naratif: Dari Perspektif Penjajah ke Perspektif Peribumi

Rekonstruksi naratif ialah proses menyusun semula tafsiran sejarah yang pada asalnya condong kepada perspektif penjajah kepada tafsiran yang berpaksikan perspektif peribumi. Naratif yang bersifat rekonstruktif dapat ditemui dalam banyak penulisan sejarah oleh penyelidik revisionis. Antara contohnya ialah naratif bahawa Darurat 1948 di Tanah Melayu berpunca daripada pemberontakan komunis. Tafsiran ini telah disanggah dan direvisi dengan kemunculan naratif baharu yang menegaskan bahawa Darurat 1948 tersebut merupakan satu bentuk “*perang kolonial*” (melalui proses dekonstruksi makna) yang bertujuan mengekang perjuangan menuntut kemerdekaan mutlak (pembinaan naratif baharu).

Proses ini menegaskan bahawa pengalaman, kepentingan, dan perspektif peribumi harus dijadikan fokus utama dalam tafsiran sejarah. Perkara ini melibatkan usaha menempatkan masyarakat peribumi sebagai agen sejarah yang aktif, serta membina tafsiran yang lebih tepat, adil, dan berakar pada realiti sosial masyarakat tempatan. Hal yang demikian sekali gus mencabar dominasi naratif yang dibentuk dari sudut pandang kolonial.

Proses rekonstruksi naratif juga berlaku dalam tafsiran sejarah pra-kolonial, khususnya naratif yang mendakwa bahawa Perjanjian Pangkor dan kedatangan British adalah bertujuan membawa keamanan dalam konteks huru-hara serta perang saudara yang kononnya berlaku pada ketika itu. Naratif ini direkonstruksi kepada tafsiran yang lebih berpaksikan perspektif peribumi, yang berhujah bahawa konflik sebenar adalah peperangan antara kongsi-kongsi gelap Cina, bukannya perang saudara antara pemimpin Melayu. Selain itu, Perjanjian Pangkor dianggap tidak sah kerana pengganti Sultan Perak yang diangkat ketika itu ialah Sultan Ismail, bukannya Raja Abdullah.¹⁵

Ranajit Guha (1998) memberikan contoh yang kukuh tentang cara naratif kolonial dibentuk, cara naratif ini menguasai tafsiran sejarah arus perdana, dan cara tafsiran tersebut kemudiannya didekonstruksi serta direkonstruksi melalui pembacaan kritikal:

Gabenor-Jeneral yang paling giat dan paling berjaya memajukan dasar ini ialah William Bentinck. Beliau meneruskan warisan Cornwallis, mengukuhkannya, dan menjadikannya satu prinsip tetap dalam pentadbiran British di India. Bentinck, yang dipengaruhi oleh pemikiran Jeremy Bentham dan James Mill, sering menekankan idea kemajuan dan pembaharuan. Sebagai seorang tuan tanah yang menyokong perubahan di England, beliau percaya bahawa pembangunan ekonomi berasaskan modal boleh membawa manfaat kepada pertanian di India. (Ranajit Guha, 1998: 33)

Petikan ini memperlihatkan bagaimana dasar kolonial British dibingkai sebagai projek kemajuan, rasional, dan bermoral, sekali gus membentuk makna penjajahan sebagai suatu usaha pembaharuan yang kononnya membawa manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sebagai seorang yang dipengaruhi oleh gerakan Evangelikal, Bentinck menggunakan kuasa kerajaan untuk menyokong pelbagai usaha pembaharuan sosial. Beliau percaya kepada keunggulan tamadun British, dan atas dasar itu menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama pentadbiran, menggalakkan pendidikan Barat, serta menyebarkan budaya liberal dalam kalangan golongan terpelajar dan kelas menengah bandar. (Ranajit Guha, 1998: 33)

Guha (1998) menegaskan bahawa hegemoni kolonial¹⁰ tidak berfungsi semata-mata melalui paksaan, sebaliknya turut beroperasi melalui pembentukan persetujuan ideologi, khususnya melalui bahasa, sistem pendidikan, dan nilai-nilai liberal yang meresap ke dalam struktur sosial masyarakat jajahan. Kesan hegemoni kolonial ini dapat dilihat apabila sebahagian ahli sejarah menggambarkan Bentinck sebagai seorang “*imperialis liberal*”, iaitu tokoh yang dipersepsikan berusaha menampilkan penjajahan British sebagai suatu projek yang harmoni, progresif, dan boleh diterima oleh kedua-dua pihak, penjajah serta masyarakat yang dijajah. Tafsiran sedemikian mencerminkan sejauh mana kerangka pemikiran kolonial terus mempengaruhi penulisan sejarah.

Guha (1998) membina suatu “*naratif rekonstruktif*” yang menolak gambaran liberal kolonial sebagai sebuah projek kemanusiaan. Sebaliknya, beliau mendedahkannya sebagai strategi politik yang bertujuan mengekalkan kestabilan dan menjamin kelangsungan kuasa penjajah. Melalui proses dekonstruksi makna kolonial, Guha (1998) berhujah bahawa dasar liberal kolonial bukanlah manifestasi niat baik, tetapi berfungsi sebagai instrumen kepentingan imperialis British. Dasar-dasar tersebut digunakan untuk mengawal dan meneutralkan penentangan masyarakat jajahan melalui gabungan kekuatan ketenteraan dan pembentukan persetujuan ideologi, khususnya dalam kalangan elit tempatan:

Namun begitu, kejayaan beliau tidak boleh dilihat sebagai tanda niat baik yang tulen. Liberalisme Bentinck sebenarnya berfungsi sebagai alat kepada kepentingan imperial British. Pendekatan ini lahir daripada kebimbangan British sendiri, khususnya ketakutan bahawa jika kerajaan penjajah terlalu terasing daripada rakyat tempatan, kedudukan dan keselamatan mereka akan terancam [...] Kejayaan strategi ini tidak dapat dinafikan. Digabungkan dengan penggunaan kekuatan ketenteraan, ia membantu British mengawal penentangan rakyat jajahan dengan berkesan, walaupun berlaku dua pemberontakan besar pada tahun 1857 dan 1942 serta banyak kebangkitan kecil di peringkat tempatan. Keamanan antara pihak pemerintah dan rakyat yang diperintah ini banyak dimediasi oleh golongan elit tempatan. Melalui pendidikan beracuan kolonial, golongan elit ini menyerap ideologi imperialisme liberal sehingga mereka percaya bahawa pemerintahan British akan membawa kebahagiaan kepada rakyat yang diperintah. Kepercayaan inilah yang, dalam novel Anandamath, mendorong watak utamanya untuk menghentikan penentangan bersenjata terhadap pemerintahan British. Hal ini menunjukkan betapa kuatnya ideologi tersebut, khususnya dalam membentuk tafsiran tentang ‘kebahagiaan’ sebagai hasil pengetahuan moden kolonial dan penyesuaian pemikiran Utilitarian ke dalam apa yang dianggap sebagai teras

rasional budaya keagamaan Hindu. (Ranajit Guha, 1998: 33-34)

Dalam konteks Tanah Melayu, Azmi Arifin (2025) memaparkan proses-proses revisionis dalam pembentukan naratif berkaitan Darurat 1948. Naratif kolonial awal mengenai darurat dapat dilihat, misalnya, melalui justifikasi rasmi British yang mengaitkan pengisytiharan darurat dengan ancaman komunis:

“Ordinan (untuk melaksanakan Darurat) telah dikuatkuasakan setelah pembunuhan tiga orang Eropah di kawasan Sungai Siput, Perak. Pembunuhan dan kegiatan subversif ini telah dianggap sebagai satu rancangan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) untuk merampas kuasa.” (Tan Cheng Keang, 1984: 27)

Petikan di atas menunjukkan bahawa British melaksanakan darurat atas alasan membanteras kegiatan subversif PKM yang didakwa bertujuan memberontak dan merampas kuasa. Justifikasi ini kemudiannya digunakan untuk mengabsahkan keperluan British terus kekal berkuasa di Tanah Melayu. Naratif yang sama turut diperkukuh melalui kenyataan pegawai kolonial British, seperti Malcolm MacDonald:

“During the last two years the Malayan Communists sought to capture the leadership of the Trade Unions and to infiltrate into the political parties in order to gain power. As time went on they met with less and less success. Early this year they realized that they were steadily losing ground... so these desperate men decided to make a bid for power by violence.” (Ho Hui Ling, 2015: 25)

Kenyataan ini membentuk gambaran bahawa PKM sememangnya telah membuat keputusan untuk melancarkan pemberontakan bersenjata sebagai jalan terakhir akibat kegagalan strategi politik mereka. Naratif sedemikian berfungsi sebagai hujah untuk membenarkan keperluan British kekal lebih lama di Tanah Melayu, selama hampir dua belas tahun di samping menangguhkan proses kemerdekaan.

Kesan dominasi naratif kolonial terserlah apabila sebahagian sejarawan mengemukakan Darurat Jun 1948 sebagai satu usaha membanteras keganasan komunis dan memulihkan keamanan negara, sekali gus mengabsahkan tindakan-tindakan represif British. Dalam kerangka tafsiran ini, penahanan tokoh-tokoh nasionalis Melayu, termasuk golongan kiri dan agama, dinaturalisasikan sebagai langkah menentang komunis. Penghentian serta-merta gerakan menuntut kemerdekaan serta pelaksanaan bentuk neo-kolonialisme dipersembahkan sebagai keperluan politik demi kestabilan dan keamanan. Naratif sedemikian bukan sahaja menyingkirkan sifat anti-kolonial perjuangan nasionalis tempatan, malah mencerminkan keberkesanan pengaruh kolonial dalam membentuk penulisan sejarah:

“Selepas Jepun kalah pada tahun 1945, gerakan komunis mula menuju ke arah yang lebih militan dan mencapai kemuncaknya pada Jun 1948. Komunis melancarkan gerakan bersenjata untuk mencapai cita-cita perjuangan mereka bagi menguasai Persekutuan Tanah Melayu. Perkembangan itu menyebabkan kerajaan mengambil inisiatif memulakan pelbagai tindakan ke arah membanteras kegiatan komunis dan memulihkan keamanan negara. Tindakan kerajaan akhirnya berjaya melemahkan pergerakan komunis dan membolehkan zaman Darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960.” (Ho Hui Ling, 2015: 37)

Sebaliknya, Azmi Arifin (2020: 89–91, 97) membina suatu *naratif rekonstruktif* yang menolak gambaran Darurat 1948 sebagai projek pemulihan keamanan dan pembanterasan kegiatan subversif komunis. Darurat didedahkan sebagai sebuah perang kolonial yang bertujuan menyekat dan mematahkan gerakan antikolonial yang semakin lantang menuntut kemerdekaan mutlak. Melalui proses dekonstruksi makna kolonial, konsep “*membanteras komunis dan memulihkan keamanan*” ditafsirkan semula sebagai usaha sistematik untuk menghentikan dan melemahkan gerakan nasionalisme Melayu yang kian berkembang:

Sejajar dengan hujah ini, Furedi berpendapat bahawa alasan konspirasi komunis merupakan jalan terakhir yang digunakan oleh pihak British setelah usaha-usaha lain gagal menghapuskan ancaman nasionalisme. Alasan tersebut juga penting bagi meyakinkan pihak kerajaan Amerika tentang kewujudan komplot komunis PKM yang didakwa disokong oleh Rusia. Dengan memperoleh restu Amerika, British dapat bertindak lebih keras terhadap sebarang gerakan anti-British, termasuk penangkapan besar-besaran tokoh-tokoh nasionalis Melayu yang berjuang secara sederhana. Bagi Furedi, pengisytiharan Darurat pada tahun 1948 merupakan satu tindakan pre-emptive, iaitu tindakan yang telah lama dirancang untuk menghadapi ancaman nasionalisme yang semakin kuat dan mula mendapat simpati Barat.

Kajian oleh Stockwell pula merumuskan bahawa tidak wujud konspirasi komunis atau kebangkitan bersenjata PKM yang benar-benar mendorong kepada pengisytiharan Darurat. Berdasarkan laporan-laporan perisikan British, beliau menunjukkan bahawa pihak British mahupun kerajaan Amerika tidak memiliki bukti kukuh yang dapat mengaitkan keganasan di Tanah Melayu dengan peningkatan kegiatan subversif PKM.

Oleh itu, pengisytiharan Darurat dapat difahami sebagai tindakan British untuk menghalalkan usaha menghapuskan gerakan menuntut kemerdekaan secara tidak adil dan menindas. Tindakan ini dilakukan setelah gerakan nasionalisme antikolonial diberikan imej sebagai gerakan radikal dan subversif, serta dilabel sebagai pengganas dan pemberontak (Azmi Arifin 2020: 89–91, 97).

Pendekatan Revisionis terhadap Dokumen CO: Melawan Arus, Dekonstruksi, Rekonstruksi

Dato Onn is anxious to come to London some time this year. Gent may already have indicated this in a letter to Lloyd or someone else in the Colonial Office. Gent thinks the plan a good one, and so do I.

Dato Onn spoke to me about this suggestion the other day and said that he would like to come to London in June or July. I encouraged the plan in principle, but said that I was not sure that June or July would be the best date. What I had in mind (of course, I did not give any hint of this to the Dato) was that undoubtedly one of his purposes in coming to London will be to urge you to remove Gent from the High Commissionership. It would be unfortunate if he came to London prior to the announcement that Gent is in fact to receive another appointment, as the impression would spread in Malaya that Dato Onn had insisted upon his removal and secured it. On the assumption that the announcement about Gent may not be made until towards the end of June or some time in July, I therefore resisted Dato Onn's proposal to visit London during those months.

I told him that June and July are likely to be extremely busy months for you and your Ministerial colleagues and principal advisers, since the Parliamentary session is then drawing to a close and all Ministers and government departments are overwhelmed with work. I suggested that September or October might be a more suitable time. He accepted this suggestion. I told him that it was personal and tentative, and that I would write to London to see what your programme of engagements might be during the remainder of the year. I told him that I knew you were contemplating a possible visit overseas some time this year.

If Dato Onn comes, it is of course important that you should be free to see him and to give him a little of your time, as well as that other Ministers and officials should pay him a certain amount of attention. In that case the visit could do a lot of good from many points of view.

I wonder whether you could give me some indication of what would be likely to suit you best about this. In the meantime I have asked Dato Onn to regard all his plans as provisional.

Naturally I have not felt able to tell Gent the whole of the above, but he and I have discussed the visit in principle and he is in favour of it.

Incidentally, Dato Onn in his talks with me since I returned has shown strong hostility to Gent. The sooner an announcement can be made about Gent's future, the

Rajah 1: Contoh Dokumen CO.

Sumber: CO 537/3669, no. 13 10 May 1948. *Preliminary discussion on closer constitutional association of Singapore with the Federation of Malaya.*

Secara pembacaan melawan arus dan dekonstruktif, dokumen *Colonial Office* (CO 537/3669, no. 13, 10 Mei 1948) mengenai kunjungan Dato' Onn ke London memperlihatkan makna dominan yang terselubung di sebalik naratif permukaan yang tampak rasional, kooperatif, dan konstruktif. Walaupun kunjungan tersebut digambarkan sebagai tindakan diplomasi yang baik, penundaan jadual dan pengaturan ketat menunjukkan bahawa kunjungan tersebut sebenarnya dianggap sebagai potensi tekanan politik terhadap pemerintah kolonial, termasuk strategi untuk memastikan pemecatan Gent dilakukan sebelum ketibaan Dato' Onn, bagi mengawal persepsi orang Melayu. Kekhawatiran pihak kolonial terhadap pandangan masyarakat Melayu memperlihatkan bahawa dominasi mereka tidak sepenuhnya stabil.

Kunjungan Dato' Onn ke London juga dilihat sebagai potensi tekanan politik yang signifikan, terbukti melalui pengubahan jadual pertemuan bagi mengelakkan dua

kemungkinan: pertama, kesan kemenangan politik Melayu; kedua, perubahan sikap Dato' Onn terhadap pihak British sekiranya beliau yakin kehendaknya akan diikuti. Sikap berhati-hati pihak British, yang jelas risau terhadap pandangan orang Melayu, menandakan bahawa nasionalisme Melayu dianggap ancaman serius. Pada masa yang sama, pihak kolonial masih memerlukan kerjasama Dato' Onn untuk melaksanakan agenda mereka.

Analisis dokumen ini merupakan contoh *pembacaan melawan arus*, iaitu naratif rasmi British dibaca secara kritikal; melalui *dekonstruksi*, makna dan agenda tersembunyi dalam tindakan kolonial dikenal pasti; dan melalui *rekonstruksi*, naratif baharu dibina yang menekankan peranan dan pengaruh politik Dato' Onn serta nasionalisme Melayu dari perspektif peribumi. Dengan cara ini, tersingkap bahawa pemerintah kolonial sedang mengatur waktu, maklumat, dan persepsi untuk membatasi pengaruh politik nyata pemimpin Melayu, sambil menutupi peranan nasionalisme Melayu sebagai ancaman terhadap dominasi mereka.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa penulisan sejarah Melayu sejak sekian lama dibayangi oleh dua permasalahan utama, iaitu pengaruh sarjana kolonial dan orientalis, serta penulisan yang berorientasikan Marxisme. Walaupun kedua-dua aliran ini berbeza dari segi pendekatan dan tujuan, kedua-duanya berkongsi kelemahan yang sama, iaitu menilai sejarah Melayu melalui lensa asing yang sarat dengan *bias* ideologi. Naratif kolonial cenderung menggambarkan orang Melayu sebagai bangsa yang pasif, feudal, dan tidak bertamadun bagi menghalalkan kehadiran dan dominasi penjajah. Sebaliknya, naratif Marxisme pula mereduksi sejarah Melayu kepada persoalan konflik kelas dan struktur ekonomi semata-mata, dengan memaksakan konsep seperti "*feudalisme Melayu*" yang sering kali tidak sejajar dengan realiti sosial dan budaya masyarakat Melayu.

Sebagai sumbangan ilmiah, kajian ini menetengahkan pendekatan revisionis yang menekankan keperluan menilai semula penulisan sejarah Melayu secara kritis berasaskan konsep *Sejarah Bertunjang*. Pendekatan revisionis diaplikasikan melalui tiga proses utama, iaitu pembacaan melawan arus, dekonstruksi makna yang ditetapkan kolonial, dan rekonstruksi naratif sejarah. Berteraskan penggunaan sumber yang lebih objektif, kaedah penyelidikan yang teliti, serta perspektif peribumi sebagai asas utama, kerangka ini membolehkan sejarah Melayu ditulis semula dengan lebih jujur dan berimbang, sekali gus mencerminkan pengalaman sebenar bangsa sendiri. Pada masa yang sama, pendekatan ini berperanan membebaskan historiografi Melayu daripada pengaruh kolonial yang berat sebelah, di samping mengelakkan tafsiran sempit berorientasikan Marxisme yang menanggapi sejarah semata-mata melalui lensa konflik kelas dan ekonomi.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai anonim atas ulasan kritis serta cadangan membina yang amat bermakna dalam penambahbaikan artikel ini. Penghargaan turut ditujukan kepada penyunting salinan jurnal atas komitmen dan usaha dalam memperhalusi aspek bahasa serta memperkemas penyampaian penulisan artikel ini.

Nota

1. Merupakan seorang penyelidik bebas yang bekerja sebagai Arkitek Perisian di sebuah syarikat swasta dalam bidang Sekuriti Siber.
2. Naratif dikotomi dalam konteks penjajahan merujuk kepada bentuk penceritaan yang dibina oleh pihak penjajah untuk memaparkan diri mereka sebagai pembawa nilai-nilai

positif, manakala masyarakat yang dijajah digambarkan sebagai mewakili sifat-sifat negatif. Pihak yang dikaitkan dengan ciri positif sentiasa dianggap benar, rasional, moden, dan maju. Sementara pihak yang dikaitkan dengan ciri negatif pula dilabel sebagai salah, feudal, tidak rasional dan mundur.

3. Generasi penyelidik pascamerdeka merujuk kepada golongan sarjana, intelektual dan ahli akademik, sama ada dalam bidang sejarah mahupun disiplin lain seperti sains politik, yang berusaha mencabar tafsiran sejarah kolonial. Namun begitu, dalam banyak keadaan, usaha ini masih cenderung bergantung kepada sumber dan kerangka orientalis, sama ada secara sedar atau tidak sedar, sehingga pengaruh kolonial terus berlanjutan dalam penulisan dan analisis mereka.
4. Golongan revisionis dalam konteks sejarah Melayu merujuk kepada sarjana dan penyelidik yang menilai semula tafsiran sejarah arus perdana yang sekian lama didominasi oleh naratif kolonial, orientalis, dan Eropah-sentrik. Mereka menggunakan pendekatan analisis kritikal dengan merujuk silang dokumen-dokumen British, seperti rekod *Colonial Office*, bersama sumber dan teks yang berpaksikan perspektif Melayu. Matlamat utama golongan ini ialah menghasilkan penulisan sejarah yang lebih seimbang, tepat, dan adil, serta mengembalikan kedudukan masyarakat peribumi sebagai subjek utama dalam naratif sejarah mereka sendiri.
5. Doktrin komunisme ialah suatu ideologi yang berasaskan pandangan bahawa konflik kelas merupakan pemacu utama dalam sejarah manusia. Dalam kerangka ini, pertentangan antara kelas pekerja dan kelas kapitalis berkembang melalui perjuangan menentang sistem kapitalisme, dengan sosialisme muncul sebagai tahap peralihan. Proses pertembungan tersebut akhirnya bertujuan menghasilkan suatu sintesis, iaitu masyarakat komunis, yang dicirikan oleh penghapusan eksploitasi kelas melalui pemilikan bersama alat pengeluaran serta pembinaan masyarakat tanpa kelas.
6. Sarjana sosialis yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini merangkumi sarjana sains politik (*political scientists*), intelektual beraliran Sosialisme dan Marxisme, serta penyelidik yang mempunyai kecenderungan Eropah-sentrik.
7. Sumber primer merujuk kepada bahan asal (belum ditafsirkan) yang dihasilkan pada atau hampir dengan waktu berlakunya sesuatu peristiwa, yang belum melalui proses pentafsiran atau olahan semula. Bahan-bahan ini wujud dalam bentuk asli seperti rekod pentadbiran, korespondensi peribadi, dan tinggalan material, serta berfungsi sebagai rujukan utama dalam merekodkan pengalaman dan kejadian sejarah secara langsung (Mohd. Yusof Ibrahim, 2013).
8. Bukti yang dapat menjelaskan bahawa Melaka masih kuat walaupun selepas melalui proses penyucian politik tersebut dapat ditunjukkan melalui kemampuan Melaka mengumpulkan angkatan perang yang besar untuk berperang dengan kerajaan Aru, di samping kejayaan Melaka mempertahankan diri daripada beberapa serangan Portugis sehinggalah pada 10 Ogos 1511. (Azmi Arifin, 2020).
9. Produk wacana kolonial merujuk kepada hasil atau kesan yang terbit daripada cara berfikir, naratif, dan ideologi yang dibentuk oleh kolonialisme. Perkara ini melibatkan proses pemberian makna yang mentafsir dan menstrukturkan sejarah, budaya, sistem pendidikan, serta nilai-nilai sosial masyarakat jajahan.
10. Hegemoni merujuk kepada suatu kondisi dominasi iaitu persetujuan mengatasi paksaan tanpa menafikannya. Namun dalam konteks kolonial, dominasi British tidak pernah mencapai hegemoni yang sejati. Apa yang wujud ialah usaha membentuk persetujuan ideologi secara terhad dan elitis, yang gagal menafikan pengalaman penindasan dan penentangan dalam kalangan masyarakat jajahan (Ranjit Guha, 1998: 19 – 23).
11. Penyelidik subaltern merujuk kepada sarjana yang memfokuskan kajian mereka terhadap golongan subaltern, iaitu kumpulan masyarakat yang terpinggir dan tidak diwakili dalam

- naratif sejarah arus perdana. Antara sarjana yang terkenal dalam bidang *Subaltern Studies* ialah Ranajit Guha, Gayatri Chakravorty Spivak, dan Dipesh Chakrabarty.
12. Aliran ortodoks dalam sejarah Tanah Melayu merujuk kepada penyelidik yang berpegang teguh pada sumber dan tafsiran lama, walaupun telah dicabar oleh sumber-sumber baharu. Golongan ini cenderung mengekalkan tafsiran arus perdana dan mengelak daripada menerima tafsiran baharu revisionis. Sikap tersebut kemungkinan berpunca daripada hakikat bahawa tafsiran revisionis berupaya menggugat makna dominan yang sedia ada, sekali gus menuntut perubahan menyeluruh terhadap keseluruhan hasil kajian mereka.
 13. “Salah satu masalah utama yang kami hadapi dalam projek awal kami ialah kesukaran untuk memperoleh transkrip atau teks yang benar-benar memaparkan pandangan, pendapat, dan kesaksian golongan subaltern. Hal ini berlaku kerana arkib sejarah konvensional hampir tidak menyimpan rekod sedemikian. Oleh itu, antara pendekatan yang kami cuba terokai, dan Ranajit Guha merupakan contoh terbaik dalam hal ini, dengan menggunakan sumber sejarah rasmi dan arus perdana, seperti catatan pegawai kerajaan, tuan tanah, dan golongan elit, lalu membacanya secara kritikal dan bertentangan dengan maksud asalnya (*reading against the grain*). Melalui pendekatan ini, kami berusaha menyingkap ‘*transkrip tersembunyi*’ yang membolehkan suara golongan subaltern dibaca dan difahami. Pendekatan ini sememangnya merupakan satu teknik pembacaan, dan esei yang anda rujuk *The Prose of Counter-Insurgency*, merupakan contoh yang sangat baik tentang bagaimana teknik ini diaplikasikan.” (Partha Chatterjee).
 14. Dekonstruktif makna dalam konteks perspektif peribumi merujuk kepada proses analisis kritikal terhadap naratif, teks, atau makna yang dibentuk oleh kuasa kolonial, dengan tujuan menyingkap suara peribumi yang hilang atau disenyapkan, termasuk perjuangan dan penentangan mereka. Proses ini bertujuan mendedahkan kebenaran yang selama ini tersembunyi serta memberikan pemahaman yang lebih adil terhadap pengalaman peribumi.
 15. Kekurangan calon lain yang berwibawa meninggalkan para ketua Perak dengan sedikit pilihan, dan tidak lama kemudian semua secara kolektif bersetuju menerima Raja Ismail sebagai sultan baharu. Pada mulanya, Raja Ismail sendiri menolak tawaran itu, tetapi kemudian berubah fikiran setelah dipujuk dengan tekun. Beliau menaiki takhta dengan gelaran rasmi *Paduka Seri Sultan Mu’abidin Shah*. Keseluruhan proses berjalan dengan begitu lancar; tiada sebarang penentangan langsung. [...] Raja Abdullah sedar bahawa beliau tidak lagi memiliki legitimasi terhadap takhta dan tidak berada dalam kedudukan untuk mengubah keadaan. (Azmi Arifin, 2012).

Rujukan

- Abdul Aziz Ishak. (1987). *Katak Keluar Dari Bawah Tempurung*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Abdul Majid Salleh. (2004). *Memoir: Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2025). *Sejarah Bangsa Melayu dan Sulalat-us-Salatin*. Selangor: Firdaus Press Publications.
- Abdul Rahman Haji Ismail & R. Suntharalingam. (1985). *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah bin Ayub. (1961). *Chara Pemerintahan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah C.D. (2005). *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Pertama): Zaman Pergerakan Sehingga 1948*. Petaling Jaya: SIRD.
- Ahmad Boestamam. (1972). *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*. Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.

- Ahmad Boestamam. (2004). *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aishah Ghani. (1992). *Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmat Adam. (2021). *Tawarikh Melayu Dan Melaka: Esei-Esei Pilihan*. Petaling Jaya: SIRD.
- Andaya, Leonard Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641–1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi Arifin. (2023). *Feudalisme: Sejarah dan Persejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi Arifin & Abdul Rahman Haji Ismail. (2006). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin & Abdul Rahman Haji Ismail. (2020). *Di Sebalik Tabir: Sejarah Politik Malaysia 1945–1957* (Cetakan Kedua). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin, Abdul Rahman Haji Ismail & Abu Talib Ahmad. (2021). *Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, Tradisi dan Persejarahan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin. (2012). “Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, the Chinese Secret Societies and the Malay Rulers.” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 39 (1): 51-74.
- Azmi Arifin. (2020). “Konflik antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir, dan Kejatuhan Kota Melaka 1511.” *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13(1), 25-62.
- Azmah Abd. Manaf. (2012). *Malaysia: Gerakan Kesedaran dan Nasionalisme*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Carr, E.H. (1984). *Apakah Sejarah?* Terj. Abdul Rahman Haji Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi asal 1961)
- CO 537/3669, no 13 10 May 1948. *Preliminary discussion on closer constitutional association of Singapore with the Federation of Malaya*.
- Edward W. Said. (2016). *Orientalisme: Menggugat Hegemoni Barat dan Mendudukkan Timur sebagai Subjek*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Graham Saunders. (1978). *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Gullick, J.M. (1978). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ho Hui Ling. (2015). *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibrahim Haji Yaakob. (1957). *Monumental: Sekitar Malaya Merdeka*. Kuala Lumpur: Republik Buku.
- Institut Tadbiran Awam Negara. (1983). *Negara Kita: Sejarah Pentadbiran Dan Dasar-Dasar Pembangunan*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ishak Haji Muhammad. (1997). *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Jaffar. (1980). *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
- Katz, C.J. (1993). “Karl Marx on the Transition from Feudalism to Capitalism.” *Theory and Society*, 22(3), 363–389.
- Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang. (1984). *Darurat 1948–1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Makmor Tumin. (2025). *Smith, Marx dan Mill*. Selangor: Firdaus Press Publications.
- Mohd. Yusof Ibrahim. (2013). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pappe, Ilan. (2021). “The New Historians.” *Muwatin – Birzeit University*, 6 September.

- Ramlah Adam. (2018). *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (2017). *Burhanuddin Al-Helmy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ranjit Guha & Gayatri Chakravorty Spivak. (1988). *Selected Subaltern Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Ranjit Guha. (1998). *Dominance without Hegemony*. Oxford: Oxford University Press.
- Syed Husin Ali. (2014). *Hubungan Etnik di Malaysia: Harmoni dan Konflik*. Petaling Jaya: SIRD.
- Syed Husin Ali. (2020). *Sejarah Rakyat*. Petaling Jaya: SIRD.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*. Petaling Jaya: SIRD.
- Shaharuddin Maaruf. (2020). *Idea-Idea Melayu Tentang Pembangunan: Daripada Pembesar Feudal Kepada Kapitalis*. Petaling Jaya: SIRD.
- Shaharuddin Maaruf. (2022). *Elit Tradisi Dan Reformasi Di Asia Tenggara: Kumpulan Esei*. Petaling Jaya: SIRD.